

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS**

PT01/22/2026

1

No. Soalan: PT004

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTULIS DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**

**SOALAN:**

**YANG BERTULIS DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan langkah kementerian untuk memperluaskan penggunaan panel solar ke rumah-rumah persendirian merangkumi aspek seperti secara mampu milik (*affordability*), penerimaan, keyakinan dan kesediaan pengguna, sokongan dasar pemantauan kualiti, peningkatan pengetahuan awam, dan manfaat kepada ekonomi jangka panjang?

**JAWAPAN:**

Alhamdulillah, penggunaan panel solar atas bumbung di rumah persendirian telah meningkat hampir empat kali ganda dalam tempoh lima tahun kebelakangan, daripada 0.1 *Megawatt Peak* (MWp) pada tahun 2020 kepada 0.4 MWp pada tahun 2025, mencerminkan keyakinan pengguna yang semakin meningkat terhadap teknologi ini. Angka ini hanya merangkumi pemasangan yang direkodkan melalui *Program Net-metering*, di mana lebih tenaga solar disalurkan ke grid sebagai kredit untuk mengurangkan bil elektrik. Oleh itu, kemungkinan terdapat lebih banyak pemasangan solar yang tidak direkodkan kerana tidak menyertai program ini.

Kos permulaan pemasangan panel solar merupakan antara faktor utama yang dipertimbangkan oleh pengguna. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan pengecualian cukai import bagi panel solar sejak tahun 2012 sebagai langkah mengurangkan kos awal pemasangan. Pada masa yang sama, Jabatan Tenaga terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk meneliti kebolehlaksanaan peluasan insentif, bagi terus menggalakkan penggunaan teknologi solar dalam kalangan orang ramai.

---

Selain itu, Jabatan Tenaga melalui Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD) turut mengeluarkan beberapa *Code of Practices* bagi memastikan pengintegrasian sistem solar berskala kecil dan besar ke dalam grid elektrik negara dilaksanakan secara selamat serta mematuhi piawaian yang ditetapkan. Sehubungan ini, orang ramai disarankan untuk mendapatkan perkhidmatan syarikat dan kontraktor pemasangan solar yang diiktiraf, yang mana senarainya boleh dirujuk melalui laman sesawang Jabatan Tenaga. Pihak Jabatan juga tidak ada halangan bagi orang ramai yang berminat untuk memasang panel solar di kediaman secara “*captive*”, iaitu tanpa pengintegrasian ke dalam grid negara.

Bagi menyokong peningkatan kesedaran orang awam, Jabatan Tenaga turut menerbitkan Buku Garis Panduan *Program Net-metering* serta Buku Panduan Solar PV Di Atas Bumbung pada tahun 2022 yang telah dikemaskini pada tahun lalu dan dimuat naik di laman sesawang Jabatan Tenaga, di samping kempen kesedaran melalui televisyen dan platform media sosial sejak September 2025. Jabatan Tenaga turut bekerjasama dengan Jabatan Penerangan untuk memberikan taklimat melalui program sua muka di peringkat kampung dan mukim, bagi memperluaskan kefahaman masyarakat mengenai pemasangan solar dan *Program Net-metering*.

Secara keseluruhannya, peningkatan penggunaan panel solar bukan sahaja membantu pengguna menjimatkan kos elektrik, malah turut menyokong usaha penjimatan penggunaan gas negara supaya dapat dimanfaatkan bagi aktiviti yang lebih berekonomikal dan bernilai tambah tinggi dalam jangka panjang, termasuk pembangunan industri hiliran minyak dan gas.

No. Soalan: PT009

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan impak Jawatankuasa Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang (JKAPO) setakat ini dan apakah cabaran utama keberkesannya serta langkah-langkah penambahbaikan yang konkrit dan terukur (*measurable*) yang akan dilaksanakan bagi memperkukuh pencegahan, pendakwaan dan perlindungan mangsa?

**JAWAPAN:**

Sejak penubuhan JKAPO pada tahun 2020, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan beberapa impak signifikan dalam usaha pembanterasannya jenayah *Trafficking in Persons* (TIP) dan antara impak utama yang memberikan kesan besar kepada negara adalah seperti berikut:

- a. Kerajaan Amerika Syarikat telah mengiktiraf usaha-usaha signifikan yang telah diungkayahkan oleh Negara Brunei Darussalam melalui JKAPO dalam menangani isu jenayah TIP. Dengan ini, pihak Jabatan Negara Amerika Syarikat telah mengambil keputusan untuk menaik taraf kedudukan Negara Brunei Darussalam dari *Tier 3* ke *Tier 2 Watchlist* dalam *United States TIP Report 2025*.

Ini merupakan satu pencapaian utama yang telah diperolehi memandangkan Negara Brunei Darussalam telah diturunkan ke *Tier 3* di dalam *United States TIP Report* dua tahun yang lalu;

- b. Negara Brunei Darussalam telah diberi pengiktirafan di beberapa platform antarabangsa seperti *ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights* (AICHR) dan *ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime* (SOMTC) sebagai satu-satunya Negara ASEAN yang tidak mempunyai warganegaranya sendiri yang direkrut atau diperdagangkan ke pusat penipuan dalam talian di rantau ini.

Impak positif ini merupakan hasil daripada usaha gigih agensi-agensi di bawah JKAPO dalam menangani jenayah TIP dengan berpandukan kepada *National Standard Operating Procedures on TIP* (NaSOP on TIP) dan *National Plan of Action on TIP* (NPA on TIP). Dalam hal ini jua, penubuhan *TIP Assessment Team* di bawah bidang Jawatankuasa Kerja bagi Anti-Pemerdagangan Orang turut menyumbang dengan memperkukuhkan penyiasatan dan pendakwaan ke atas kes-kes TIP.

Ini menggambarkan pendekatan Negara Brunei Darussalam dalam menangani jenayah TIP yang berlandaskan prinsip Maqasid Syariah, khususnya penekanan terhadap pemeliharaan nyawa sebagai salah satu teras utama di mana ianya jua satu teras utama dalam *NPA on TIP*. Di samping itu, pendekatan '*Whole-of-Nation*' dan '*Whole-of-Government*' jua dipraktikkan oleh JKAPO bagi memastikan usaha-usaha pambanterasan jenayah TIP dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu.

Insya-Allah, dengan usaha-usaha yang berterusan dalam menangani isu jenayah TIP, ianya dihasratkan akan membantu dalam meningkatkan kedudukan Negara Brunei Darussalam ke *Tier 2* atau *Tier 1* di dalam *United States Trafficking in Persons (TIP) Report 2026*.

JKAPO juga menghadapi cabaran-cabaran yang menghadkan jawatankuasa untuk mencapai keberkesannya ditahap maksimum memandangkan terdapatnya beberapa isu utama seperti berikut:

- a. Jenayah Pemerdagangan Buruh, daripada penilaian pihak *United Nations Office of Drugs and Crime*, merupakan satu isu amat sukar yang rumit untuk mendapatkan bukti dan motif yang dapat diterima di Mahkamah. Lebih lagi, *modus operandi* jenayah Pemerdagangan Buruh semakin kompleks, mencabar dan berkembang terutamanya dengan perkembangan tren jenayah seperti penipuan pekerjaan (*job scam*).

Namun demikian, Negara Brunei Darussalam telah berjaya merekodkan dua (02) kes pensabitan kes Pemerdagangan Buruh melibatkan dua warganegara Republik Rakyat Bangladesh pada tahun 2025 di mana pencapaian ini menunjukkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang serta mekanisme-mekanisme yang telah ditubuhkan di bawah JKAPO;

- b. Trend kemasukan pekerja asing di Negara Brunei Darussalam boleh menyumbang kepada potensi berlakunya jenayah Pemerdagangan Orang memandangkan sejumlah besar pekerja-pekerja tersebut berasal dari negara-negara yang diketahui mempunyai kegiatan jenayah Pemerdagangan Orang yang signifikan.

Bagi menangani impak daripada trend tersebut, Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah proaktif termasuk dengan pemeteraian *Memorandum of Understanding (MoU)* bersama Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh pada tahun 2022 dan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste pada tahun 2023 mengenai Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja Warganegara mereka dalam memastikan pengambilan pekerja adalah dikendalikan dengan teratur.

---

JKAPO melalui Jawatankuasa Kerja bagi Anti-Pemerdagangan Orang menggunakan *NPA on TIP* yang telah dikemaskini bagi tempoh 2025-2029 telah menambah dan menekankan lagi usaha agensi-agensi dalam membanteras jenayah TIP yang terkandung daripada empat teras utama iaitu Pencegahan, Perlindungan, Pendakwaan dan Penguatkuasaan Undang-Undang, serta Perkongsian dan Kerjasama. Objektif NPA tersebut adalah untuk menambah daripada pindaan sebelum ini di mana pensabitan dua kes pemerdagangan buruh pada tahun 2025 berasal daripada usaha dan penyiasatan agensi-agensi di bawah JKAPO berdasarkan *NPA on TIP* yang sebelumnya.

Lebih-lebih lagi, agensi-agensi di bawah JKAPO telah mempertingkatkan kapasiti dengan sebanyak 49 program latihan khususnya dalam mengenal pasti elemen-elemen TIP. Ini termasuk dengan program *The ASEAN Multilateral Judicial Knowledge Exchange on Victim-Sensitive Adjudication of Trafficking in Persons Cases* yang telah dianjurkan oleh Negara Brunei Darussalam dan merupakan satu platform bagi pegawai-pegawai kehakiman dalam mengongsi pengalaman praktikal, perspektif kebangsaan, serta amalan kehakiman terbaik dalam mengendalikan kes-kes TIP.

No. Soalan: PT010

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kesiapsiagaan negara untuk memenuhi permintaan tenaga kerja hijau untuk rakyat tempatan dalam negara, peringkat serantau dan antarabangsa termasuk kolaborasi antara Jabatan Tenaga dan Kementerian Pendidikan, serta jenis latihan serta program pembangunan kapasiti yang telah dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

Melalui pelaksanaan rangka kerja SCALE (*Skills and Capacity for Alternative Low-Carbon Energy*), Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri menyepadukan usaha-usaha sedia ada bersama pihak-pihak berkepentingan dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara bagi memenuhi permintaan tenaga kerja hijau, khususnya dalam sektor tenaga rendah karbon. Inisiatif ini dibangunkan berasaskan asas pendidikan, latihan dan keupayaan industri yang telah tersedia, dengan penekanan kepada pembangunan kemahiran dan kompetensi tenaga kerja, termasuk anak-anak tempatan agar bersedia memenuhi keperluan tenaga hijau dalam negara, serta memiliki asas kebolehpasaran untuk peluang di peringkat serantau dan antarabangsa. Pendekatan di bawah rangka kerja SCALE turut menumpukan kepada penyediaan tenaga kerja yang bersedia memanfaatkan peluang pekerjaan dalam sektor tenaga yang sedang berkembang, sama ada di dalam negara mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa, melalui pembangunan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri.

Dari segi penyelarasan antara agensi, pelaksanaan inisiatif SCALE dilaksanakan melalui kerjasama berterusan antara Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan. Inisiatif ini turut melengkapi usaha pembangunan tenaga kerja industri tenaga yang digerakkan melalui *Manpower Industry Steering Committee* (MISC), yang bernaung di bawah Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) di peringkat nasional. Penyelarasan ini memastikan elemen kemahiran hijau dapat disepadukan secara berstruktur ke dalam sistem pendidikan dan latihan negara, selaras dengan Pelan Pendidikan Hijau serta keperluan industri tenaga, sekali gus menyokong penyediaan laluan pendidikan, latihan dan pensijilan yang sistematik bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang semakin berkembang.

Dari aspek latihan dan pembangunan kapasiti, SCALE mengenal pasti beberapa bidang keutamaan untuk diperkukuhkan secara berperingkat, dengan memanfaatkan program dan platform sedia ada. Ini termasuk usaha memperluas dan mempertingkatkan kecekapan tenaga dan solar PV dalam program TVET yang sedia ada, serta penelitian ke arah pembangunan pensijilan pemasangan dan penyelenggaraan solar yang berpotensi untuk disokong dan diiktiraf oleh pihak kerajaan.

Sebagai bukti pelaksanaan awal di bawah rangka kerja ini, peluang latihan industri dan penempatan (*internship*) berasaskan tapak projek turut disediakan melalui prokek-prokek tenaga boleh diperbaharui yang sedang dibangunkan. Ini termasuk penempatan 4 orang pelatih dari IBTE dan Politeknik Brunei selama tempoh 5 bulan di tapak projek tenaga suria 30 MW di Kampong Belimbing yang dijangka akan memulakan operasi pada tahun ini, bagi memberi pendedahan praktikal kepada tenaga kerja tempatan dalam aspek pemasangan, operasi dan penyelenggaraan sistem tenaga solar berskala utiliti. Inisiatif penempatan pelatih tersebut akan seterusnya dilaratkan kepada projek-projek solar lain yang merangkumi projek berskala besar dan juga berskala kecil.

Di peringkat pengajian tinggi, bidang seperti tenaga boleh diperbaharui, hidrogen hijau, *e-fuels* dan *Carbon Capture, Utilisation and Storage* (CCUS) telah dikenal pasti sebagai bidang strategik yang diperlukan turut diperkukuh bagi memastikan pembangunan kurikulum, latihan dan penyelidikan secara berfasa, sejajar dengan potensi pembangunan industri pada masa hadapan. Usaha ini sedang diperhalusi bagi memastikan penyediaan modal insan adalah selari dengan hala tuju dasar tenaga dan pelaburan negara.

Selain itu, keupayaan dalam pelbagai bidang tenaga baharu, seperti projek penyambungan rangkaian tenaga elektrik merentasi sempadan dan potensi tenaga nuklear turut dipertimbangkan secara berstruktur di peringkat dasar serta perancangan jangka panjang. Ini merangkumi penilaian awal terhadap keperluan rangka kerja institusi dan perundangan, pembangunan kompetensi teknikal, pengawalseliaan dan komersial, serta pendekatan pelaksanaan secara berfasa selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Bagi inisiatif penyambungan grid elektrik rentas sempadan, penyelarasan turut dilaksanakan dalam kerangka *ASEAN Power Grid* (APG) di peringkat serantau. Sementara itu, bagi potensi pembangunan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga bersih masa hadapan, penilaian kesiapsiagaan negara dilaksanakan berpandukan pendekatan *Milestones* yang dibangunkan oleh *International Atomic Energy Agency* (IAEA).

Usaha perancangan awal ini bertujuan memastikan bahawa sekiranya projek-projek baharu dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada campuran tenaga negara pada masa hadapan, asas keupayaan institusi dan modal insan telah disusun dan dirancang dengan teliti.

---

Secara keseluruhannya, melalui pelaksanaan inisiatif SCALE yang menyepadukan usaha sedia ada serta penyelarasan erat antara Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, MISC dan pihak-pihak berkepentingan yang lain, negara sedang membina asas tenaga kerja hijau tempatan yang tersusun, berdaya saing dan mampan bagi menyokong peningkatan pembangunan tenaga boleh diperbaharui serta pertumbuhan ekonomi hijau Negara Brunei Darussalam dalam jangka masa yang panjang. Pendekatan ini turut meletakkan Negara dalam kedudukan yang lebih bersedia untuk bersaing dan menarik peluang kerjasama serta pelaburan tenaga hijau di peringkat serantau dan antarabangsa.

---

No. Soalan: PT016

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kerajaan menilai tahap kefahaman dan keyakinan rakyat terhadap dasar atau inisiatif yang diperkenalkan? Apakah pendekatan yang diambil bagi memastikan komunikasi dasar tidak menyumbang kepada keletihan dasar atau ketidakpedulian awam?

**JAWAPAN:**

Dalam usaha untuk mengwujudkan masyarakat yang bermaklumat, Jabatan Perdana Menteri menerusi Jabatan Penerangan telah mengendalikan beberapa inisiatif seperti berikut:

- Pertama, menerusi penerbitan Pelita Brunei yang mana kini boleh akses melalui e-pelita. Pelita Brunei ini secara dasarnya adalah untuk memaklumkan masyarakat mengenai berita-berita terkini yang memfokuskan kepada berita tempatan termasuk dasar dan inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan.
- Dalam usaha meningkatkan lagi keberkesanan Pelita Brunei dalam membarigakan maklumat termasuk dari aspek reka bentuk untuk meningkatkan jumlah pembaca, Jabatan Penerangan telah melaksanakan satu kaji selidik pada tahun 2025. Hasil daripada kaji selidik tersebut mendapati bahawa para pembaca lebih gemar membaca dan mudah memahami terbitan-terbitan menggunakan gambar seperti infografik termasuklah pembuatan video-video pendek.
- Seterusnya, Jabatan Penerangan juga terus mengendalikan Program Sua Muka bersama penduduk-penduduk kampung. Program ini berfungsi sebagai platform perhubungan dua hala antara Kerajaan dengan masyarakat setempat bagi memberigakan dasar dan mesej-mesej utama Kerajaan di samping mendengarkan isu semasa serta permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampung.
- Dalam masa yang sama, Program Masyarakat Bermaklumat akan terus dilaksanakan yang melibatkan peringkat akar umbi bagi mendengarkan isu-isu, pendapat serta cadangan daripada penduduk mukim & kampung seluruh negara.

- 
- Sebagai kesinambungan usaha-usaha pembarigaan di atas, Jabatan Penerangan juga mengendalikan program-program yang menyasarkan golongan belia, dan juga penuntut-penuntut sekolah melalui Program Perkampungan Sivik bagi Lulusan Ijazah dan Program Rakan Remaja Penerangan bagi para penuntut tahun 9 dan 10 di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di seluruh negara.
  - Untuk rumusannya, di sepanjang tahun 2025, sebanyak lebih daripada 70 program telah dilaksanakan untuk pelbagai peringkat masyarakat yang merangkumi para belia, dewasa dan warga emas. Program-program berkenaan telah melibatkan pelbagai agensi kerajaan untuk mengongsikan dasar-dasar kerajaan yang sedia ada mahupun yang baharu sahaja diperkenalkan.
  - Berhubungan dengan perkara berkaitan bagi memastikan komunikasi dasar tidak menyumbang kepada keletihan dasar atau ketidakpedulian awam, Jabatan Perdana Menteri khasnya menerusi Jabatan Penerangan dan Jabatan Radio Televisyen Brunei serta media swasta akan terus bekerjasama rapat dengan agensi-agensi Kerajaan dalam menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan dengan dasar dan inisiatif-inisiatif masing-masing kepada orang ramai dalam bentuk yang mudah difahami, cepat dan tepat.

No. Soalan: PT030

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kementerian merancang untuk membuat kajian bagi mengenalpasti kesan pelaksanaan gaji minima bagi beberapa sektor perkhidmatan khusus terhadap *cost of doing business* dan kos sara hidup, supaya ianya tidak akan membebankan para pelanggan atau pengguna?

**JAWAPAN:**

Dalam melaksanakan gaji minima, Kerajaan telah mengambil kira secara menyeluruh implikasi terhadap kos operasi perniagaan, daya saing majikan, dan kos sara hidup pekerja sebelum sesuatu sektor perkhidmatan atau industri dipertimbangkan bagi pelaksanaan gaji minimum. Pemilihan industri dibuat secara teliti dengan mengadakan sesi-sesi muzakarah bersama pihak industri serta berasaskan penilaian terhadap struktur kos industri, tahap kesediaan pasaran serta keupayaan perniagaan untuk menyesuaikan diri tanpa menjejaskan kelangsungan operasi (*business continuity*).

Selanjutnya, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) telah menjalankan kaji selidik ke atas syarikat-syarikat di bawah industri yang telah dikenakan Perintah Pekerjaan (Upah Minima), 2025 bagi menilai impak pelaksanaan perintah berkenaan terhadap operasi dan kos perniagaan masing-masing. Berdasarkan dapatan awal, pelaksanaan perintah ini didapati tidak memberi kesan meluas terhadap kos operasi syarikat yang mana hanya segelintir daripada responden, iaitu sebanyak 19 peratus yang perlu membuat penyesuaian gaji pada peringkat awal pelaksanaan perintah, bagi mematuhi kadar gaji minimum yang ditetapkan. Dari jumlah syarikat yang memerlukan penyesuaian, majoriti dapat melaksanakannya melalui penyesuaian dalaman seperti mengoptimumkan operasi dan pengurusan tenaga kerja, tanpa membuat perubahan besar terhadap modal perniagaan mereka.

Maklum balas yang diterima juga menunjukkan bahawa pelaksanaan gaji minima telah disambut baik oleh kebanyakan pihak industri, dengan tahap penerimaan yang positif dan tanpa cabaran ketara. Kajian berkenaan merupakan langkah awal dalam meneliti kesan pelaksanaan gaji minimum.

---

No. Soalan: PT032

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN  
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan pengiktirafan sijil politeknik atau institusi pengajian tempatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) terutamanya berhubung dengan permohonan jawatan di jabatan kerajaan?

**JAWAPAN:**

Dalam proses pengambilan di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, setiap permohonan akan diperakukan melalui semakan menyeluruh bagi memastikan pemohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan jawatan serta selaras dengan skim perkhidmatan yang dipohonkan. Penilaian dibuat dengan mengambil kira kelulusan akademik yang diiktiraf Kerajaan, pengalaman kerja dan keperluan khusus jawatan berkenaan.

Bagi pemohon yang memiliki kelulusan politeknik atau institusi pengajian tempatan kerajaan, ianya tidak memerlukan surat pengiktirafan. Keperluan tersebut hanya diwajibkan bagi pemohon yang memperolehi kelulusan daripada institusi swasta tempatan dan institusi luar negara. Semakan pengiktirafan ini penting bagi memastikan kelayakan pemohon bersesuaian dengan skim perkhidmatan jawatan yang dipohonkan, di samping menentukan penetapan kadar gaji yang selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.

Bagi menentukan pengiktirafan dan tahap kelulusan tersebut, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menggunakan penilaian daripada Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan, iaitu badan akreditasi tunggal (*sole accrediting body*) yang bertanggungjawab terhadap penilaian dan pengiktirafan kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

No. Soalan: PT035

**PERTANYAAN** : **BERTULIS****DARIPADA** : **YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN  
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran jumlah penjawat awam yang dijangka perlu memiliki kemahiran dan kompetensi dalam penggunaan dalam kaedah *Artificial Intelligence (AI)* menjelang tahun 2035? Berapakah anggaran peruntukan kewangan bagi melaksanakan program-program latihan dalam AI tersebut?

**JAWAPAN:**

Pada masa ini, anggaran jumlah penjawat awam yang dijangka perlu memiliki kemahiran dan kompetensi dalam penggunaan dalam kaedah *Artificial Intelligence* dan peruntukan berkaitan dengannya menjelang 2035, belumlah dapat ditetapkan. Walau bagaimanapun, sesuai dengan era perubahan teknologi yang pesat serta ekspektasi orang ramai yang semakin tinggi, perkhidmatan awam perlu membuat keputusan yang lebih pantas, tepat dan berasaskan bukti.

Justeru, pembangunan literasi dan keupayaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam sektor awam merupakan satu keutamaan strategik bagi memperkukuh ketangkasan penggubalan dasar, meningkatkan kualiti tadbir urus, serta memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan beretika. Institut Perkhidmatan Awam (IPA) memainkan peranan strategik dalam membangunkan kemahiran dan kompetensi penjawat awam melalui tiga kategori program AI iaitu *Basic AI*, *Augmented AI*, dan *Core/Specialised/Technical AI*, antaranya “*AI, Big Data and the Cloud for Public Good*”, “*AI, Data and Blockchain*”, “*Artificial Intelligence and Machine Learning Fundamentals*” dan “*Data Analytics Using Machine Learning for Public Sector*”.

IPA telah mula memperkenalkan program AI seawal tahun kewangan 2022/2023 bertajuk ‘*Digital Transformation: From AI and IOT to Cloud, Blockchain and Cybersecurity*’ dan ‘*Robotics, Artificial Intelligence and Workplace of the Future*’. Seterusnya pada tahun kewangan 2023/2024, inisiatif berskala besar melalui sesi pembentangan bertajuk ‘*AI in the public Sector*’ semasa Hari Pelanggan IPA turut diadakan bertujuan untuk mengenalkan AI kepada penjawat awam supaya bersedia menghadapi perubahan teknologi, dan membina pemahaman tentang konsep AI. Modul ‘*AI in the Public Sector*’ juga diperkenalkan dalam program kepimpinan EDPMMO sejak 2024 dan EDPSGO tahun 2025. Pada tahun 2024, seramai 28 pegawai kanan mengikuti program *Brunei Executive Leaders Programme* di bawah memorandum persefahaman *Government Experience Exchange Programme* Bersama Emiriah Arab Bersatu (UAE), dimana peserta didedahkan kepada beberapa

modul yang memfokuskan kepada Aplikasi AI di sektor kerajaan seperti '*Digital Trends in the Government*' dan '*Innovation in Government*'.

Sepanjang tahun kewangan 2024/2025 dan 2025/2026, IPA telah menawarkan 13 program dan modul, termasuk program *Basic AI* seperti kesedaran AI dan etika AI sebanyak 54%; *Augmented AI* atau program yang menyokong produktiviti kerja harian melalui AI Berasaskan Sokongan Manusia sebanyak 23%; serta program *Core AI* untuk analisis data dan pembangunan dasar strategik sebanyak 23%. Ini termasuk juga persidangan sempena Hari Perkhidmatan Awam ke 32 bertajuk "*Digital Transformation and Innovation based on Artificial Intelligence (AI) in the Public Service*" dan seminar "*Artificial Intelligence in the Public Sector: Learning From Best Practices*" yang membariskan pembentang daripada Brunei, Singapura dan Estonia.

Program-program ini adalah untuk mendukung inisiatif Majlis Digital Brunei (*Digital Brunei Council*) untuk menjadikan Brunei sebagai *Smart Nation* dan akan diteruskan dan dipertingkatkan bagi memastikan penjawat awam terus memperkukuh kemahiran dan kompetensi dalam AI secara sistematik. Seiring itu, bagi tahun kewangan 2026/2027, program-program AI akan disediakan merangkumi 14% *Basic AI* dengan potensi pertambahan, 57% *Augmented AI* Berasaskan Sokongan Manusia untuk menyokong tugas-tugas rutin harian, dan 29% *Core AI* yang menumpukan kepada analisis data bagi menyokong fungsi strategik.

Setakat ini, penyertaan penjawat awam dalam program-program AI yang ditawarkan di IPA bagi tahun kewangan 2024/2025 dan 2025/2026, terus menunjukkan peningkatan dengan tumpuan kepada pemberigaan AI melalui seminar, persidangan, dan ceramah. Langkah seterusnya, IPA akan memfokuskan kepada kategori program AI Core atau specialised.

Kos latihan berkaitan AI yang sedang dilaksanakan dan ditawarkan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) juga meningkat daripada BND18,714 pada tahun 2024/2025 kepada BND48,928 pada tahun 2025/2026, dan seterusnya meningkat kepada BND73,000 pada tahun 2026/2027.

Langkah ke hadapan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) akan bekerjasama dengan pihak *Digital Brunei Council* bagi mengenal pasti program-program yang bersesuaian untuk ditawarkan, di samping menentukan kumpulan sasaran penjawat awam yang berpotensi untuk mengikuti program berkenaan, selaras dengan kompetensi yang difikirkan diperlukan. Pelaksanaan program-program ini juga tertakluk kepada penyelarasan bersama pihak DEC, khususnya dalam mengenal pasti sasaran peserta yang bersesuaian serta memastikan ianya adalah selaras dengan keutamaan pembangunan kapasiti Perkhidmatan Awam. Pada masa ini, IPA berupaya untuk melaksanakan program berkaitan AI sebanyak 3% tahun kewangan 2024/2025, kepada 5% tahun kewangan 2025/2026, dan terus meningkat lagi kepada 8% tahun kewangan 2026/2027.

---

No. Soalan: PT042

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan kementerian dalam mengkaji semula undang-undang sedia ada bagi menilai keperluan menggubal atau menggabungkan perintah-perintah atau akta-akta, supaya undang-undang akan lebih jelas dan mudah difahami oleh orang ramai?

**JAWAPAN:**

Secara lazimnya, perancangan dan pelaksanaan kajian semula sesuatu undang-undang adalah tanggungjawab Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas undang-undang berkenaan, memandangkan merekalah yang mempunyai kepakaran serta pemahaman yang mendalam terhadap dasar Kerajaan, keperluan pentadbiran dan realiti operasi sektor masing-masing. Keperluan untuk membuat kajian semula ini biasanya ditentukan melalui proses dasar di peringkat Kementerian dan, jika berkenaan, melalui pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang berkaitan.

Sehubungan itu, sebarang cadangan kajian semula yang dikemukakan oleh Kementerian atau Jabatan berkenaan akan dihadapkan kepada Pejabat Peguam Negara bagi mendapatkan nasihat perundangan dan untuk menilai keperluan semakan atau pindaan yang bersesuaian, tertakluk kepada maklumat, justifikasi dan objektif dasar yang dikemukakan.

Dalam menilai cadangan tersebut, Pejabat Peguam Negara akan mengambil kira keselarasan dengan dasar Kerajaan, implikasi perundangan, keberkesanan pelaksanaan, komitmen undang-undang antarabangsa (jika ada dan berkenaan), serta memastikan cadangan tidak menimbulkan pertindihan atau ketidak selarasan dengan undang-undang sedia ada dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Sekiranya didapati perlu, langkah-langkah seterusnya boleh diambil sama ada melalui pindaan, penggubalan semula, pemansuhan atau penggabungan peruntukan tertentu, bagi menghasilkan rangka perundangan yang lebih tersusun, jelas dan mudah difahami oleh orang ramai serta kekal relevan dengan keperluan semasa.

---

Selain itu, Pejabat Peguam Negara bersama Jabatan Perdana Menteri juga mengadakan Seminar Perundangan tahunan bagi meningkatkan kefahaman dan kapasiti pegawai-pegawai yang mengendalikan undang-undang di kementerian masing-masing, sebagai salah satu langkah memperkukuh keberkesanan merangka dan menggubal perundangan di peringkat Kementerian/Jabatan sebelum menghadapkan perkara tersebut kepada Pejabat Peguam Negara.

---

No. Soalan: PT043

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan mekanisme bagi mengkaji semula dan mengemaskini undang-undang komersial secara berkala, dan jika terdapat pasukan penyelarasan yang bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan?

**JAWAPAN:**

Bagi undang-undang komersial, prinsip pelaksanaannya adalah sebagaimana melalui kajian semula dan pengemaskinian yang lazimnya dilaksanakan oleh Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas undang-undang komersial berkenaan. Ini disebabkan Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab ke atasnya mempunyai kepakaran dan arif tentang keperluan pentadbiran dan keadaan sebenar sektor tersebut. Cadangan kajian semula yang dikenal pasti kemudiannya akan dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk tujuan nasihat perundangan dan penilaian keperluan pindaan yang bersesuaian.

Dari segi mekanisme pelaksanaan kajian, proses ini lazimnya melibatkan perbincangan dan konsultasi bersama agensi Kerajaan yang berkaitan. Pada masa yang sama, pandangan dan maklum balas wakil industri serta pihak-pihak berkepentingan juga akan diambil kira bagi memastikan penelitian dibuat secara menyeluruh dan berpandukan keadaan sebenar.

Jika perlu, Kerajaan juga boleh menubuhkan pasukan kerja atau jawatankuasa khas antara agensi sebagai pasukan penyelarasan untuk menyelaras kajian, memperkemas hala tuju dasar, serta menilai implikasi pelaksanaan sebelum cadangan tersebut dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara bagi tujuan pengubalan atau pindaan undang-undang.

No. Soalan: PT046

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTITAHU PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

**YANG BERTITAHU PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan agensi-agensi berkepentingan menerapkan, menyebarkan dan menghayati kefahaman prinsip Maqasid Syariah sebagai etika kerja perkhidmatan awam?

**JAWAPAN:**

Institut Perkhidmatan Awam (IPA) menawarkan lima program tahunan lain berbentuk program penuh dan juga berbentuk modul di dalam program iaitu Program 'Urustadbir Islam' yang berkait rapat dengan Maqasid Syariah; Modul '*Islamic Governance*' dalam Program Induksi Perkhidmatan Awam; Modul '*Applying Maqasid Syariah into Leadership Role*' dalam Program *Flagship* iaitu Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO); Modul '*Islamic Governance: Application of Maqasid Syariah*' dalam Program Pembangunan Eksekutif Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO); dan Modul 'Nilai-nilai Murni melalui Melayu Islam Beraja' dalam Program Eksekutif Muda (YEP). Sepanjang tempoh 2022 - 2025, penyertaan bagi program-program tersebut adalah seramai 1,460 peserta.

Melalui pelaksanaan program-program ini, etika kerja Perkhidmatan Awam terus diperkukuhkan melalui penekanan terhadap prinsip amanah, integriti, akauntabiliti, keadilan dalam pelaksanaan tugas. Nilai-nilai ini menjadi panduan dalam membuat keputusan yang berhemah, berorientasikan kepentingan awam serta selaras dengan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

Di samping itu, IPA juga menawarkan dan menjalankan kursus berkaitan Maqasid Syariah seperti Ramadhan *Talk Series* pada tahun ini yang membawa tajuk 'Maqasid Syariah Seiring Transformasi Perkhidmatan Awam' di mana program memuatkan ceramah yang disampaikan oleh pakar Maqasid Syariah dari KUPU SB dan forum bersama beberapa panelis termasuk dari Pejabat Wawasan, Jabatan Perdana Menteri yang turut menyokong akan kepentingan Maqasid Syariah sebagai landasan dasar dalam membentuk hala tuju pembangunan negara dan transformasi perkhidmatan awam. Jumlah peserta yang menghadiri ialah 177 bagi semua Bahagian I-V.

No. Soalan: PT039

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH  
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan usaha Kementerian dalam memperkukuhkan penguatkuasaan sistem pensijilan halal terutamanya penyalahgunaan sijil halal yang boleh menjejaskan imej kesucian agama dan keyakinan masyarakat?

**JAWAPAN:**

Penyalahgunaan sijil halal/permit bukan sahaja merupakan satu kesalahan undang-undang, malah satu pengkhianatan terhadap amanah dan kesucian ugama Islam. Oleh itu, pendekatan penguatkuasaan yang tegas, telus dan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan integriti sistem pensijilan halal sentiasa terpelihara dan keyakinan masyarakat terus terjamin.

Kementerian melaksanakan langkah-langkah berikut:

**1. Pemantauan dan Pemeriksaan Berjadual dan Mengejut.**

Pemeriksaan berjadual dan pemeriksaan mengejut (*spot check*) dilaksanakan ke atas pemegang sijil halal / permit bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap syarat dan standard yang ditetapkan.

**Statistik:**

Jumlah premis yang telah dipantau sepanjang tahun 2025 adalah sebanyak 1,198 premis, iaitu kira-kira 88.5% daripada keseluruhan 1,354 premis yang mempunyai Sijil Halal atau Permit Halal.

Manakala, jumlah kes kesalahan serius bagi tahun 2025 dan 2026 (setakat Mac):

- 2025 – 3 kes (masih dalam proses siasatan)
- 2026 (Mac) – 3 kes (masih dalam proses siasatan)

**2. Penguatkuasaan Tegas di Bawah Peruntukan Undang-Undang**

Tindakan akan diambil di bawah peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa, di bawah:

- Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.
- Akta Daging Halal Penggal 183.

Ini termasuk kesalahan seperti penggunaan logo halal tanpa kebenaran, pemalsuan sijil halal, atau penggunaan sijil yang telah tamat tempoh atau yang telah dibatalkan.

### **3. Pendigitalan dan Pengesahan Sijil Halal / Permit**

Mempertingkatkan sistem pengesahan Sijil Halal atau Permit Halal secara digital bagi membolehkan semakan status sijil dilakukan secara lebih telus dan cepat.

Selain itu, penyediaan peranti mudah alih seperti tablet kepada pegawai pemeriksa dan penguatkuasa membolehkan semakan status halal serta bahan ramuan yang digunakan oleh premis dilakukan secara terus semasa sesi Audit Lapangan dan Audit Pemantauan.

### **4. Pengukuhan Tatacara Audit dan Penilaian Risiko.**

Menggunakan pendekatan berasaskan risiko (*risk-based approach*) dalam Audit Pemantauan, termasuk penilaian terhadap rantai bekalan (*supply chain*), titik kawalan kritikal halal (*Halal Critical Control Point – HCCP*), serta sistem rekod dan jejak balikan (*traceability*).

### **5. Kerjasama berterusan dengan Agensi yang berkepentingan.**

Memperkukuhkan kerjasama strategik bersama agensi penguatkuasaan lain bagi membendung penyalahgunaan sijil halal / permit termasuk kegiatan pemalsuan, penipuan dan pengedaran produk tidak sah.

### **6. Pendidikan dan Kesedaran Industri (Program Pengukuhan Penyeliaan Halal (PPPH) dan Bengkel Pematuhan Halal (BPH))**

Meningkatkan program kesedaran, latihan dan bimbingan kepada pengusaha mengenai tanggungjawab pemegang sijil halal / permit serta implikasi undang-undang sekiranya berlaku pelanggaran.

No. Soalan: PT049

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah pendekatan khususnya mengguna-pakai *Feature Analysis Model* terhadap program-program sedia ada dalam memantuni cabaran untuk memastikan graduan KUPUSB lebih *marketable* dalam pelbagai bidang pekerjaan, keusahawanan termasuk melahirkan *technopreneur* bagi memenuhi keperluan industri dan selari dengan transformasi *highly skilled* dalam teknologi-digital?

**JAWAPAN:**

Pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh KUPU SB bagi memastikan graduan KUPU SB lebih *marketable* dalam pelbagai bidang pekerjaan iaitu:

1. Menilai mutu kursus-kursus yang ditawarkan pada masa ini bagi memastikan ianya sesuai dengan keperluan sebenar pasaran kerja iaitu:
  - i. Kursus wajib keusahawanan dalam Pendidikan Islam dan Kursus Teknologi Pendidikan;
  - ii. Program *Minor* Keusahawanan dan Program *Minor* Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam
2. Merancang dan mereka bentuk kurikulum *Minor* dalam bidang keusahawanan yang lebih umum dan luas berbanding skop yang sedang ditawarkan pada masa ini. Begitu juga dengan Kursus Teknologi, ianya akan ditambah dengan Teknologi yang lebih mengarah kepada keusahawanan.
3. Merancang penawaran Program atau kursus berkaitan kepimpinan komuniti tambahan kepada atau menggantikan Program *Minor* dalam Dakwah dan Kepimpinan di samping mengekalkan *niche* KUPU SB dalam bidang perguruan agama.
4. Membuat analisis keperluan (*Needs Analysis*) dalam bidang keusahawanan, teknologi dan kepimpinan komuniti merujuk kepada keperluan industri, komuniti dan sektor awam/swasta serta perbincangan bersama pakar bidang, alumni dan majikan.

- 
5. Menjalankan kajian kebolehpasaran graduan KUPU SB dan tren pekerjaan.
  6. Merangka Hasil Pembelajaran Program dari sudut pengetahuan, kefahaman, kemahiran praktikal/teknologi, pemikiran kritis dan inovasi serta tanggungjawab sosial yang juga diharap dapat menggambarkan kerjaya yang bersesuaian dengannya.
  7. Menyelaras dengan *Brunei Darussalam Qualification Framework* (BDQF).

---

No. Soalan: PT051

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan berkenaan garis panduan rasmi kementerian dan langkah penambahbaikan mengenai pemohon SKN ke MUIB, bagi memperjelaskan tanggungjawab serta mengurangkan beban pentadbiran di peringkat kampung?

**JAWAPAN:**

Bagi memastikan permohonan bantuan zakat khususnya yang melibatkan Sistem Kebajikan Negara (SKN) supaya dapat diproses secara lebih teratur dan berkesan, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal sedang dan telah melaksanakan usaha-usaha memperkemas tatacara permohonan dan memperjelaskan dari masa ke semasa mengenai tanggungjawab setiap pihak yang terlibat bagi mengurangkan beban pentadbiran di peringkat akar umbi seperti penghulu mukim dan ketua kampung.

Antara usaha-usaha Jabatan ini dalam memperjelaskan tanggungjawab serta mengurangkan beban pentadbiran di peringkat kampung adalah dengan melaksanakan satu inisiatif turun padang melalui Program Kembara Zakat pada tahun 2026 yang diadakan di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam. Program ini berlangsung antara bulan Januari hingga Februari 2026 dan dilaksanakan dalam bentuk sesi dialog bersama institusi penghulu dan ketua kampung.

Objektif utama program ini adalah untuk berkongsi maklumat mengenai tatacara permohonan bantuan zakat, di samping mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pihak penghulu dan ketua kampung mengenai cabaran yang mereka hadapi khususnya dalam pengendalian permohonan melalui sistem SKN.

Melalui sesi dialog tersebut, beberapa isu telah diketengahkan oleh para penghulu dan ketua kampung. Antaranya termasuk kekeliruan mengenai peranan dan tanggungjawab dalam proses sokongan permohonan, beban pengesahan maklumat pemohon, serta pertindihan antara permohonan bantuan kebajikan melalui JAPEM dan permohonan bantuan zakat di bawah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Keadaan ini kadangkala menyebabkan proses permohonan menjadi lebih panjang dan menambah beban pentadbiran di peringkat kampung.

---

Bagi menangani perkara ini, beberapa langkah penambahbaikan telah dicadangkan, antaranya memperkukuhkan lagi komunikasi dan perkongsian maklumat antara pihak penghulu, ketua kampung dan pihak pengurusan JUZWAB menggunakan platform digital *Microsoft 365* di bawah kawalan dan Pengurusan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC). Selain itu, cadangan juga diberikan supaya sesi taklimat atau latihan berkala diadakan bagi memastikan pihak penghulu dan ketua kampung sentiasa memahami prosedur terkini berkaitan permohonan bantuan zakat.

Secara keseluruhannya, penganjur Program Kembara Zakat ini telah memberi ruang kepada perbincangan yang konstruktif antara pihak Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) dan institusi penghulu serta ketua kampung. Melalui pendekatan ini, diharapkan satu sistem pengurusan permohonan bantuan yang lebih jelas, cekap dan selaras dapat diwujudkan, sekaligus memudahkan urusan masyarakat yang memerlukan bantuan serta mengurangkan beban pentadbiran di peringkat kampung.

No. Soalan: PT040

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH  
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status dana *Patient Charity Aid* bagi pesakit warga emas PR yang menghadapi kesukaran kewangan dan mempunyai penyakit sedia ada. Apakah keberkesanan kaedah pertimbangan klinikal dan penilaian *Medical Social Services* yang seharusnya mengutamakan pesakit (*patient centric*) bagi mencegah kemerosotan penyakit dan rawatan kecemasan?

**JAWAPAN:****A. Status Dana dan Sokongan Sedia Ada**

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai skim khusus yang dinamakan Patient Charity Aid. Walau bagaimanapun, terdapat Tabung Kebajikan Pesakit yang berfungsi untuk membantu mana mana pesakit yang memerlukan, khususnya dalam bentuk sokongan kebajikan seperti penyediaan barangan keperluan harian atau peralatan bantuan (*assistive devices*) yang dapat menyokong kesejahteraan pesakit dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi pesakit warga emas yang bertaraf PR berwarganegara asing, Kementerian sentiasa menekankan kepentingan perlindungan melalui insurans atau skim perlindungan lain yang sesuai, bagi membantu mereka menguruskan kos rawatan kesihatan secara lebih berkesan.

**B. Peranan Pegawai Kerja Sosial Perubatan (*Medical Social Worker*)**

Pegawai Kerja Sosial Perubatan akan memastikan pesakit, termasuk warga emas yang memerlukan, mendapat perhatian yang bersesuaian. Penilaian dilakukan secara menyeluruh dengan pendekatan berfokus kepada pesakit (*patient-centred*), termasuk menyalurkan pesakit kepada agensi atau badan berkaitan untuk mendapatkan bantuan kewangan atau sokongan kebajikan tambahan, selain daripada menyalurkan mana-mana bantuan yang dapat diberikan di bawah Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin terhadap pesakit yang memerlukan bantuan, dan bagi memperkukuh sokongan ini telah menambah seramai 10 Pembantu Pegawai Kebajikan Perubatan (Kontrak) untuk membantu pesakit dalam urusan permohonan dan koordinasi dengan agensi yang relevan.

---

Kementerian menggalakkan orang ramai untuk mendapatkan rawatan perubatan apabila memerlukan, dan sekiranya terdapat kebimbangan mengenai pembayaran, pasukan kesihatan termasuk Unit Pembayaran dan Unit Kerja Sosial Perubatan sentiasa bersedia untuk berbincang mengenai sokongan yang ada.

### **C. Langkah Penambahbaikan dan Komitmen Masa Hadapan**

Kementerian Kesihatan mengakui bahawa insurans kesihatan boleh menjadi beban kewangan bagi sebahagian warga emas yang terjejas, dan tidak wajar sekadar bergantung kepada pihak luar. Sehubungan itu, Kementerian akan terus meneliti dan mencari penyelesaian alternatif yang lebih mampan bagi memastikan pesakit yang menghadapi kesukaran kewangan tidak terpinggir.

Kementerian juga mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada orang awam, badan bukan kerajaan, serta pihak berkepentingan lain, agar bersama-sama dapat membentuk pendekatan yang lebih berpusat kepada pesakit (*patient-centric*) selain turut memberikan bantuan keperluan seharian secara terus kepada pesakit mahupun kepada pihak pegawai kerja sosial perubatan. Dengan cara ini, sokongan yang lebih menyeluruh dapat diwujudkan untuk mencegah kemerosotan penyakit dan mengurangkan kebergantungan kepada rawatan kecemasan.

No. Soalan: PT048

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah kaedah memperkesakan tatacara mempromosi kesihatan dan membudayakan cara hidup sihat serta pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit yang trennya semakin meningkat?

**JAWAPAN:****A. Strategi Menyeluruh dan Berasaskan Data**

Kementerian Kesihatan melaksanakan strategi menyeluruh yang berfokus kepada faktor risiko utama dan berasaskan data melalui pemantauan serta penilaian berterusan. Langkah ini memastikan strategi yang dilaksanakan memberi impak dan dapat ditambah baik dari masa ke semasa.

**B. Usaha Pencegahan Awal dan Pendidikan Kesihatan**

Kementerian memperkukuhkan usaha pencegahan awal melalui pendidikan kesihatan sejak usia kanak-kanak dan remaja. Program kesihatan dilaksanakan di sekolah, di tempat kerja dan dalam masyarakat supaya amalan gaya hidup sihat dapat dibentuk dan diteruskan sepanjang hayat. Penyampaian mesej kesihatan disesuaikan mengikut peringkat umur dan menggunakan pendekatan *behavioural insights* untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku dengan lebih berkesan.

**C. Sokongan Dasar dan Persekitaran Sihat**

Program promosi kesihatan disokong oleh dasar dan persekitaran yang memudahkan pilihan sihat. Antaranya ialah pelaksanaan duti eksais minuman manis dan berperisa, garis panduan pemakanan sihat di sekolah dan tempat kerja, penguatkuasaan larangan penggunaan rokok elektronik dan larangan merokok di lokasi tertentu, serta penggalakan aktiviti fizikal melalui garis panduan kegiatan fizikal dan inisiatif *BN on the Move*.

**D. Pengesanan Awal dan Intervensi**

Kementerian memperkukuhkan pengesanan awal dan intervensi melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyakit

---

tidak berjangkit pada peringkat awal. Langkah ini membolehkan rawatan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mengurangkan komplikasi serta beban kos rawatan jangka panjang.

Kesimpulannya, Kementerian Kesihatan komited memastikan usaha promosi kesihatan meningkatkan kesedaran, membawa kepada perubahan tingkah laku dan mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit secara mampan. Pendekatan ini dilaksanakan melalui kerjasama seluruh negara dengan penglibatan Kementerian-Kementerian yang lain, agensi, komuniti dan individu bagi membudayakan cara hidup sihat sebagai tanggungjawab bersama.

No. Soalan: PT052

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah kementerian bagi memastikan penyediaan yang mencukupi, termasuk pengesanan awal, intervensi dan sokongan berterusan, dalam menangani peningkatan kes autism di negara ini?

**JAWAPAN:****A. Latihan dan Peningkatan Kompetensi Kakitangan**

Kementerian Kesihatan melaksanakan latihan berkala dan berstruktur kepada kakitangan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (*Child Development Centre, CDC*) bagi memperkukuhkan kompetensi dalam penilaian perkembangan, diagnostik autisme serta pengurusan kes secara multidisiplin. Latihan ini merangkumi pemantapan kemahiran klinikal, penggunaan alat penilaian standard, serta penyelarasan dokumentasi dan pelaporan bagi memastikan perkhidmatan yang konsisten dan berkualiti.

Selain itu, pakar perunding turut menyumbang melalui sesi latihan dan perkongsian ilmu kepada pegawai kesihatan tempatan. Antara contoh usaha ini termasuk syarahan kepada doktor hospital semasa sesi pendidikan perubatan berterusan (*Continuing Medical Education, CME*) mingguan serta webinar mengenai pengesanan awal *Autism Spectrum Disorder (ASD)* menggunakan M-CHAT. Inisiatif ini memperkukuhkan lagi keupayaan tenaga kerja tempatan dalam mengenal pasti dan menguruskan kes autisme.

Kementerian meningkatkan kapasiti tenaga kerja dengan menghantar pegawai Profesional Kesihatan Bersekutu (*Allied Health Professionals, AHP*) seperti psikologis untuk menghadiri program khusus dalam penilaian awal dan intervensi berasaskan bukti bagi *Autism Spectrum Disorder*.

**B. Penambahan Tenaga Kerja dan Klinik Diagnostik**

Kementerian menambah bilangan pegawai kesihatan dan profesional sokongan termasuk AHP di CDC bagi menangani peningkatan jumlah rujukan dan mengurangkan tempoh menunggu penilaian. Penambahan ini bertujuan meningkatkan kapasiti perkhidmatan, memastikan intervensi awal dapat dimulakan dengan lebih cepat serta mengekalkan kualiti perkhidmatan.

Kementerian juga menambah sesi dan lokasi klinik diagnostik untuk memperluaskan akses kepada penilaian perkembangan dan autisme. Langkah ini membantu mengurangkan senarai menunggu, mempercepatkan proses diagnostik dan memastikan liputan perkhidmatan yang lebih menyeluruh di seluruh negara.

### **C. Latihan Kakitangan Barisan Hadapan dan Alat Saringan**

Latihan khusus disediakan kepada kakitangan barisan hadapan di klinik Kesihatan Ibu dan Anak (*Maternal Child Health, MCH*), pengamal perubatan am (*General Practitioners, GP*) dan Jabatan Kecemasan (*Emergency Department, ED*) bagi meningkatkan keupayaan mengenal pasti tanda awal kelewatan perkembangan dan autisme. Penekanan diberikan kepada kemahiran saringan awal, dokumentasi yang tepat serta laluan rujukan yang jelas ke CDC.

Kementerian memperkenalkan penggunaan *Modified Checklist for Autism in Toddlers (M-CHAT)* sebagai alat saringan standard di MCH untuk kanak-kanak berumur 16 hingga 30 bulan. Pelaksanaan ini disertai dengan panduan interpretasi keputusan serta laluan rujukan sistematik ke CDC bagi memastikan kanak-kanak berisiko mendapat penilaian lanjut tanpa kelewatan.

### **D. Kesedaran Awam dan Sokongan Berterusan**

Kementerian meningkatkan kesedaran awam melalui rancangan radio tempatan dan media sosial seperti Instagram CDC untuk mendidik masyarakat tentang tanda awal autisme, kepentingan intervensi awal dan saluran mendapatkan bantuan. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan stigma, meningkatkan literasi kesihatan dan menggalakkan ibu bapa mendapatkan penilaian lebih awal.

Sokongan berterusan turut diberikan melalui bengkel pendidikan keibubapaan (*Parent Education Programme, PEP*) dan Program Perkembangan Awal (*Early Development Programme, EDP*) yang membantu kanak-kanak dengan keperluan perkembangan sebelum memulakan persekolahan. Kementerian juga memulakan klinik khusus bagi *Augmentative and Alternative Communication (AAC)* dan klinik pemakanan untuk menyokong kanak-kanak dengan keperluan komunikasi dan isu pemakanan yang kompleks.

### **E. Kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**

Kementerian memperkukuhkan kolaborasi dengan NGO seperti SMARTER dan *Autism Without Borders* melalui penganjuran persidangan, bengkel serta kumpulan kerja bersama. Kerjasama ini memperluas rangkaian sokongan, berkongsi kepakaran dan amalan terbaik, serta memperkasa keluarga dan profesional dalam pengurusan autisme secara holistik.

Kesimpulan Langkah-langkah ini menunjukkan komitmen Kementerian Kesihatan dalam memastikan penyediaan yang mencukupi, termasuk pengesanan awal,

---

intervensi dan sokongan berterusan, bagi menangani peningkatan kes autisme di negara ini. Pendekatan ini dilaksanakan melalui kerjasama seluruh negara dengan penglibatan kementerian, agensi, komuniti dan individu untuk memastikan kanak-kanak dengan autisme mendapat sokongan yang sewajarnya.

---

No. Soalan: PT001

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan status Tatacara Penghapusan Harta Benda Kerajaan (1983) dari Kira-kira dalam mempercepatkan proses penghapusan peralatan pejabat dan barang-barang teknikal yang menggunakan teknologi dalam proses permohonan, pemeriksaan dan pengesahan? Perkara ini juga untuk mengelakkan pembaziran ruang penyimpanan dan pembinaan stor baru yang dipohonkan oleh institusi dan kementerian.

**JAWAPAN:**

Setiap Kementerian dan Jabatan yang mempunyai harta benda untuk dihapuskan dari kira-kira Kerajaan perlulah mematuhi Garispanduan Peraturan-Peraturan Kewangan 2022 dengan terlebih dahulu menyediakan dokumen-dokumen yang lengkap dan teratur bagi melancarkan proses penelitian untuk dipertimbangkan bagi sokongan penghapusan; mengikut prosedur/tatacara yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Kementerian/Jabatan hendaklah mendapatkan Laporan Pemeriksaan Teknikal dari agensi yang berkaitan mengeluarkan Laporan Teknikal. Sebagai contoh bagi penghapusan komputer, Laporan Teknikal akan disediakan oleh pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC);
2. Menghadapkan permohonan ke Lembaga Pemeriksa Tetap (LPT) dengan memberikan keterangan yang lengkap terhadap senarai barangan yang dipohonkan untuk penghapusan;
3. Lembaga Pemeriksa Tetap akan meneliti setiap permohonan yang diterima dan seterusnya membuat pemeriksaan ke atas harta benda berkenaan sama ada ianya layak untuk dihapuskan atau tidak;
4. Jika dokumen lengkap telah diperolehi, LPT akan menghadapkan sokongan ke Jawatankuasa Penasihat Penghapusan Harta Benda Kerajaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
5. Setelah kebenaran diperolehi, Kementerian dan Jabatan hendaklah menghapuskan harta benda tersebut dengan segera.

---

Garis panduan ini menerangkan mengenai peraturan dan tatacara dalam melaksanakan penghapusan harta benda dan aset Kerajaan. Ianya berkuatkuasa seiring dengan Peraturan-Peraturan Kewangan, 2022 Bahagian 11 (Bab 44 dan 45) dan akan dikemaskinikan dari masa ke semasa mengikut keperluan semasa.

Pelaksanaan secara digital berpotensi mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan penghapusan aset. Pendekatan ini perlu diteliti dan difahami terlebih dahulu supaya prosedur pemeriksaan, pengesahan dan tanggungjawab pegawai kekal jelas serta mematuhi keperluan tadbir urus.

---

No. Soalan: PT011

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauh manakah keberkesanan strategi pasaran buruh dan pembangunan kemahiran sedia ada digunakan dalam meningkatkan kualiti pekerjaan, produktiviti tenaga kerja dan kesepadanan kemahiran yang menyokong ekonomi yang lebih dinamik dan berdaya tahan?

**JAWAPAN:**

Pihak Kerajaan terus melaksanakan pelbagai inisiatif pasaran buruh bagi merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat 1, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Dalam hal ini, usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran serta kemahiran anak tempatan dilaksanakan melalui pelbagai program pembangunan tenaga manusia di bawah Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC). Sehingga penghujung tahun 2025, sebanyak 17 program sedang dan telah dilaksanakan dengan jumlah keseluruhan penyertaan seramai 15,177 orang peserta sejak program-program berkenaan diperkenalkan.

Bagi menilai keberkesanan program-program tersebut, kadar pekerjaan peserta selepas menamatkan latihan menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan.

Program perantisan yang memberi penekanan kepada pengalaman pekerjaan, khususnya Program Perantisan i-Ready dan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, mencatatkan kadar pekerjaan purata sekitar 70 peratus, sekali gus menunjukkan keberkesanan pendekatan *work-based learning* dalam meningkatkan kebolehpasaran peserta.

Selain itu, program pembangunan tenaga manusia yang dirangka melalui *Manpower Industry Steering Committee* (MISC) seperti Program iSkill dan Coding.bn menunjukkan bahawa sekitar 36 peratus peserta telah memperoleh pekerjaan dalam bidang masing-masing selepas menamatkan program.

Bagi program pensijilan profesional seperti SPIN in Accountancy, seramai 50 peratus peserta telah berjaya memperoleh pensijilan profesional yang membolehkan mereka

melaksanakan pekerjaan dalam bidang perakaunan dan pengauditan. Manakala dalam bidang *Health, Safety and Environment (HSE)*, seramai 15 peratus peserta telah berdaftar dengan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) sebagai *Workplace Safety and Health (WSH) Coordinator* dan *Officer* yang bertauliah.

Pada masa yang sama, bagi memastikan program-program yang dilaksanakan terus relevan dan responsif kepada keperluan ekonomi, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), Jabatan Perdana Menteri akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan pihak industri melalui platform MISC. Kerjasama ini penting bagi menambah baik reka bentuk program latihan serta menyelaraskan bidang kursus yang ditawarkan dengan keperluan industri, termasuk mengambil kira projek-projek mega baharu yang dijangka beroperasi dalam masa terdekat.

Dari sudut kualiti pekerjaan, pihak Kerajaan melalui MPEC juga telah menerbitkan *Salary Guideline* bagi sektor swasta yang merangkumi 22 *job families* dan 100 jawatan. Garis panduan ini berfungsi sebagai rujukan kepada skala gaji yang lebih progresif, di samping membantu majikan menentukan kadar gaji yang berpatutan serta memberi panduan kepada pencari kerja tempatan mengenai nilai pasaran pekerjaan, khususnya pada peringkat awal kerjaya. Jawatan-jawatan yang disenaraikan adalah berdasarkan *critical occupations* yang dikenal pasti sebagai in-demand oleh industri melalui MISC.

Di samping itu, bagi memastikan pekerja tidak menerima gaji yang terlalu rendah, Perintah Pekerjaan (Upah Minimum) telah dikuatkuasakan ke atas tujuh industri bermula 1 April 2025. Berdasarkan dapatan awal kaji selidik terhadap syarikat-syarikat dalam industri berkenaan, pelaksanaan perintah tersebut telah diterima baik oleh kebanyakan pihak industri, dengan tahap penerimaan yang positif serta tanpa cabaran yang ketara. Dapatan awal juga menunjukkan bahawa pelaksanaan tersebut tidak memberi kesan yang meluas terhadap kos operasi syarikat.

Sebagai penutup, pihak Kerajaan akan terus memantau keberkesanan dasar-dasar pasaran buruh serta program-program yang telah dilaksanakan bagi memastikan inisiatif yang diperkenalkan benar-benar memberi impak kepada pembangunan tenaga kerja negara. Kerajaan juga akan terus memperkukuh dasar serta program yang selaras dengan keperluan ekonomi semasa dalam usaha memastikan negara mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berdaya saing dan bersedia mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035.

---

No. Soalan: PT017

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan cabaran utama dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang terhadap hasil fiskal, pekerjaan dan produktiviti sekiranya corak pelaburan semasa kekal? Apakah langkah mitigasi, indikator pemantauan serta sektor alternatif yang telah dikenalpasti sebagai keutamaan berdasarkan kapasiti semasa negara?

**JAWAPAN:**

Persekitaran ekonomi global yang semakin kompleks serta perubahan teknologi yang kian pesat membawa peluang yang besar kepada negara dalam usaha untuk membangun ekonomi yang lebih dinamik dan mampu mencapai hasrat mempelbagaiannya. Namun, pada masa yang sama ianya juga membawa risiko yang mampu menggugat kemampanan fiskal, memandangkan kebergantungan negara terhadap sektor minyak dan gas. Keterdedahan negara terhadap ketidaktentuan harga minyak mentah dunia serta konflik geopolitik bukan sahaja memberi tekanan kepada hasil negara, malah boleh memberi impak langsung kepada kedayatahan ekonomi Negara Brunei Darussalam termasuk untuk peluang pekerjaan dan produktiviti ekonomi.

Selain itu, negara juga berhadapan dengan realiti perubahan iklim sedunia yang tidak boleh diabaikan. Tren peralihan tenaga global ke arah Pelepasan Sifar Bersih (*Net Zero*) menjelang 2050 yang dijangka akan menjejaskan permintaan global terhadap minyak dan gas serta mengusarkan kepentingan transformasi baharu di dalam struktur dan proses industri domestik. Semua ini bukan sahaja boleh memberi impak kepada rantai bekalan barangan serta peningkatan kepada kos transaksi perdagangan tetapi juga boleh memberi impak langsung kepada kestabilan sosio-ekonomi rakyat dan Negara, khususnya juga dari segi pengangguran dan kualiti hidup yang mampan.

Justeru itu, landskap industri dan pasaran buruh di negara ini perlulah disesuaikan dengan adanya perkembangan teknologi dan AI yang semakin pesat, yang mana memerlukan Negara untuk memberi tumpuan yang lebih kuat terhadap memperkukuhkan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan ke arah memenuhi permintaan terhadap kemahiran dan industri baharu.

Dengan peredaran global yang semakin pesat, Negara perlu mempertingkatkan lagi usaha untuk menjadi lebih tangkas (*agile*) dan membuat penyesuaian mengikut arus perubahan di samping memastikan ianya selari dengan keperluan negara dan rakyat. Dalam pada itu, strategi mempelbagaian ekonomi negara, terutamanya yang didokong oleh usaha-usaha Pelaburan Langsung Asing (FDI), pemerksaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), serta pengukuhan Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) terus menjadi tunggak utama dalam memacu pembangunan negara.

Khususnya dari segi pelaburan, Alhamdulillah, setakat Januari 2026 sebanyak 25 syarikat FDI telahpun beroperasi di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai nilai pelaburan keseluruhan berjumlah kira-kira USD5.9 bilion dan telah menjana lebih kurang 4 ribu peluang pekerjaan. Tambahan juga, ada terdapat 18 buah lagi projek FDI lagi yang sedang di dalam fasa pelaksanaan dengan nilai pelaburan dianggarkan berjumlah USD5.6 bilion dan yang mana diunjurkan akan mampu menjana lebih kurang 3 ribu pekerjaan baharu.

Insyallah dengan usaha-usaha berterusan daripada pihak sektor Kerajaan dan juga swasta, serta juga melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) serta Bahagian Pelaburan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk meneroka lagi peluang-peluang baharu, ianya diharap akan meningkatkan lagi momentum penarikan pelaburan yang berkualiti ke negara ini yang selaras dengan agenda mempelbagaian ekonomi negara serta mampu menjana pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Usaha-usaha ini akan diteruskan lagi dengan tumpuan kepada memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti yang dapat menambah nilai tinggi melalui pembangunan 5 sektor keutamaan yang telah dikenal pasti, di samping juga memastikan adanya strategi-strategi dokongan yang berkesan. Ini antarlainnya termasuk strategi-strategi yang mendokong pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran dan '*future-ready*', terutamanya jua melalui program-program *upskilling* dan *reskilling* serta pengukuhan struktur pendidikan yang selaras dengan keperluan industri; pemerksaan sektor swasta tempatan melalui tumpuan kepada peningkatan skala operasi dan produktiviti, penggunaan teknologi baharu dan budaya berinovasi; serta penyediaan infrastruktur sosio-ekonomi negara serta digital yang cekap, mencukupi dan berkualiti.

Bagi memastikan pelaksanaan dasar kekal responsif dan selaras dengan Wawasan 2035 serta Pelan Tindakan Ekonomi, pemantauan dibuat dengan secara berkala merentas pelbagai indikator pemantauan yang memfokuskan kepada pengukuhan pertumbuhan ekonomi, pengembangan sektor bukan minyak dan gas, peningkatan eksport, pembangunan perusahaan yang produktif, penciptaan pekerjaan berkualiti untuk rakyat. Antarlainnya, ini termasuk seperti memantau prestasi sumbangan

---

hasil bukan minyak dan gas kepada KDNK dan status fiskal negara, kadar pengangguran belia, kadar penyertaan tenaga buruh tempatan dan peratus pekerjaan sektor swasta berkemahiran tinggi; serta sumbangan sektor-sektor keutamaan dan FDI kepada KDNK dan penjanaaan pekerjaan.

Secara keseluruhannya, pendekatan bersepadu ini bertujuan memastikan kemajuan ekonomi dipacu oleh keupayaan domestik yang lebih kukuh, produktiviti yang lebih tinggi, tadbir urus yang cekap serta kerjasama yang pelbagai. Usaha ini akan dilaksanakan dengan penekanan kepada pelaksanaan yang tepat pada masanya, terselaras serta berakauntabiliti tinggi, sekali gus membolehkan negara kekal berdaya tahan, berdaya saing dan mampan dari segi fiskal dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu.

Namun, dengan kepimpinan dasar yang proaktif, pemantauan berasaskan data, serta pelaksanaan strategi yang selaras dengan Wawasan Brunei 2035, InsyaAllah Negara Brunei Darussalam akan dapat memperkukuh lagi asas ekonomi yang lebih pelbagai, inklusif dan berdaya saing di peringkat serantau dan global.

---

No. Soalan: PT022

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan jumlah dan sebab utama penutupan perniagaan tempatan mengikut sektor dan tempoh operasi? Bagaimanakah maklumat ini digunakan bagi memperbaiki dasar sokongan, agar tidak hanya tertumpu kepada penubuhan perniagaan baharu?

**JAWAPAN:**

Data yang dikutip oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui ROCBN mencatatkan bahawa setakat 28 Februari 2026, sebanyak 1,111 penutupan nama perniagaan telah direkodkan iaitu bagi tempoh tahun 2021 sehingga 2025, dengan sektor perdagangan runcit (kecuali kenderaan bermotor dan motosikal) mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 13.5 peratus.

Manakala data yang dikutip bagi syarikat pula menunjukkan sebanyak 720 penutupan yang direkodkan dalam tempoh yang sama, dengan sektor pembinaan bangunan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 17.3 peratus.

Dari segi sebab utama penutupan perniagaan pula, setakat ini tidak ada data rasmi yang dikutip oleh ROCBN mengenainya.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) terhadap program-program yang dijalankan serta maklum balas langsung daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang diterima melalui pelbagai saluran muzakarah, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti.

Antaranya, ini termasuk kos bahan mentah dan logistik yang tinggi; halangan dalam pembungkusan dan pelabelan termasuk kos mesin dan kepakaran teknikal; keterbatasan kapasiti kewangan; saiz pasaran domestik yang kecil, kebocoran perbelanjaan pengguna (Consumer Leakage) ke luar negara; tahap penerimaan teknologi baharu yang masih rendah; kesukaran mengekalkan pelanggan; serta cabaran menembusi pasaran serantau akibat keperluan pematuhan dan persaingan yang tinggi.

Bagi menangani cabaran tersebut, BEDB telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang memfokuskan kepada pengukuhan kapasiti dan daya tahan perniagaan sedia ada. Ini termasuk program bimbingan dan latihan keusahawanan, khidmat nasihat

---

kewangan dan perancangan aliran tunai, sokongan penyertaan dalam misi perdagangan dan pameran, bantuan pematuhan piawaian serta pensijilan, di samping memudahcara dialog antara agensi bagi menangani isu sistemik dan kawal selia. Pendekatan ini bertujuan memperkukuh daya saing dan memastikan kelangsungan perniagaan tempatan secara mampan.

Keseluruhannya, tumpuan Kerajaan bukan sahaja kepada penubuhan perniagaan baharu, tetapi juga kepada pengukuhan dan kelangsungan perniagaan sedia ada agar lebih berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

No. Soalan: PT023

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah penilaian kementerian berkenaan kelewatan pembayaran kerajaan dan kesannya terhadap aliran tunai perusahaan tempatan? Bagaimanakah perkara ini boleh diperbaiki bagi mengelakkan tekanan kewangan yang menjejaskan kelangsungan perniagaan kecil dan sederhana?

**JAWAPAN:**

Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedia maklum mengenai adanya kelewatan dalam proses pembayaran kepada sebahagian perusahaan tempatan, khususnya juga perniagaan kecil dan sederhana yang mana telah mengakibatkan tekanan ke atas aliran tunai mereka.

Pada lazimnya, tuntutan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perlu memenuhi kehendak-kehendak Peraturan Kewangan yang mana jika permohonan tersebut adalah dibuat secara lengkap serta mempunyai peruntukan yang mencukupi, insya Allah ianya akan dapat diproses mengikut TPOR yang telahpun ditetapkan (30 hari).

Berdasarkan penelitian Kementerian ini, antarlain penyebab utama yang menyumbang kepada kelambatan dalam proses pembayaran adalah kerana dokumen yang dihadapi adalah tidak lengkap atau tidak teratur, seperti invoice tidak dibubuh pengesahan *chop* seperti yang dikehendaki oleh Peraturan Kewangan. Dalam hubungan ini, Insha-Allah, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan akan memperkenalkan satu inisiatif pada 1 April 2026 iaitu mendigitalisasikan pengesahan *chop* melalui 'enhancement' kepada sistem TAFIS 2.0. Inisiatif ini dihasrat akan mempercepatkan lagi proses pembayaran kepada perniagaan kecil dan sederhana.

Kedua, tidak ada pesanan kerja (*Purchase Order - PO*) dikeluarkan bagi pembelian barang atau perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Perlu ditekankan bahawa setiap Pegawai Pengawal (pada lazimnya adalah Setiausaha Tetap ataupun Ketua Jabatan) adalah bertanggungjawab untuk mengawal dan memastikan pembelian dan pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan anggaran peruntukan yang telah diluluskan dan memenuhi Peraturan Kewangan yang berkuatkuasa pada masa ini. Sebarang pembelian dan pembayaran yang tidak mematuhi Peraturan Kewangan, mana-mana Pegawai yang bertanggungjawab serta Pegawai Pengawal boleh dikenakan tindakan surcaj.

Adalah diperingatkan bagi semua, selaras dengan Peraturan Kewangan iaitu bagi setiap pembelian atau pesanan kerja yang hendak dilaksanakan, Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan peruntukan yang mencukupi sebelum membuat sebarang komitmen perbelanjaan. Jika terjadi di mana perbelanjaan dibuat tanpa adanya peruntukan yang mencukupi, pegawai tersebut boleh dikenakan tindakan surcaj.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan sentiasa komited untuk memperkukuhkan sistem TAFIS 2.0 dalam memastikan pembayaran kepada pembekal dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan teratur. Berikutan penelitian Jabatan Perbendaharaan, beberapa inisiatif telahpun diambil bagi memperbaiki isu tersebut seperti:

Pertama, menetapkan dasar Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) yang menekankan tempoh pembayaran dalam 30 hari kepada pembekal sebagai komitmen untuk memastikan kelancaran aliran tunai dan keadilan dalam proses pembayaran Kerajaan. Mekanisme ini dipantau secara berterusan bagi memastikan pematuhan oleh semua Kementerian dan Jabatan.

Kedua, mengemaskini laman sesawang TAFIS 2.0 secara berkala atau mengikut keperluan agar Kementerian dan Jabatan sentiasa memperoleh maklumat terkini mengenai TAFIS 2.0 seperti *Frequently Asked Question* (FAQ), senarai semak (*checklist*) bagi proses pembayaran dan *quick guide* mengenai tatacara menyemak status *Purchase Order* (PO) dan pembayaran.

Ketiga, memberi kemudahan kepada Pembekal untuk menyemak status pembayaran melalui *Government Vendor Portal* (GVP). Melalui penambahbaikan yang meningkatkan ketelusan (*transparency*) ini, pembekal dapat mengetahui jika pembayaran tersebut masih di bawah penelitian pihak Jabatan, telah dikuiiri oleh Jabatan ataupun masih menunggu kelulusan terakhir (*final approval*) oleh Jabatan Perbendaharaan.

Pendekatan ini juga dapat mengurangkan keperluan pembekal untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP), sekali gus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

No. Soalan: PT027

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG  
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah antara kemajuan terbaru dalam usaha mempelbagaikan ekonomi serta pendekatan baru yang dirancang bagi memantaskan usaha mempelbagaikan ekonomi ini?

**JAWAPAN:**

Usaha mempelbagaian ekonomi terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan yang mana dapat dilihat melalui peningkatan sumbangan sektor bukan minyak dan gas kepada KDNK negara, iaitu daripada 45 peratus pada tahun 2015 kepada 54 peratus pada tahun 2025. Selain itu, eksport bukan minyak dan gas juga telah meningkat kepada 60 peratus berbanding 7 peratus pada tahun 2015.

Pencapaian ini dipacu antarlainnya oleh pertumbuhan di dalam lima (5) sektor keutamaan yang terus menjadi penggerak pertumbuhan untuk menerajui pembangunan dan kepelbagaian ekonomi. Sektor-sektor keutamaan tersebut telahpun mencatatkan pertumbuhan KDNK yang menggalakkan dengan mencatat purata pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus dalam tempoh 10 tahun kebelakangan, iaitu meningkat daripada BND2.4 bilion pada tahun 2015 kepada BND4.0 bilion pada tahun 2025:

- **Sektor Hiliran Minyak dan Gas** merekodkan pertumbuhan purata 31.3 peratus secara tahunan bagi tempoh 2015 hingga 2025, didorong oleh peningkatan pengeluaran produk petroleum dan kimia melalui penarikan pelaburan berimpak tinggi seperti Hengyi Industries Sdn Bhd, Brunei Methanol Company Sdn Bhd, dan Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd, yang memperluas rangkaian nilai dan meningkatkan kapasiti pengeluaran domestik.

Aktiviti pembuatan petroleum dan kimia akan diperkukuhkan lagi dengan adanya projek Hengyi Fasa 2 yang dijangka akan siap pada akhir tahun 2028 dan beroperasi pada tahun 2029. Perluasan ini akan meningkatkan kapasiti penapisan kepada 20 juta tan metrik setahun (400,000 tong sehari), berbanding kapasiti pada masa ini sebanyak 8 juta tan setahun. Ianya juga akan memperkenalkan *supply feed* baharu bagi *liquified natural gas* (LNG)

dan *ethane*, serta membolehkan pengeluaran produk petrokimia derivatif bernilai tinggi baharu yang dapat digunakan untuk membuat barang keperluan harian. Sebagai contoh, *ethylene* dan *polyethylene* adalah bahan utama untuk membuat pelbagai jenis barangan plastik seperti botol dan pembungkus makanan, manakala *butadiene* pula digunakan untuk membuat getah sintetik seperti untuk tayar kenderaan dan tapak kasut. Dengan menghasilkan bahan-bahan bernilai tinggi ini di tanah air sendiri, ia akan membuka peluang perniagaan baharu bagi syarikat tempatan dan menyediakan lebih banyak pekerjaan untuk anak tempatan dalam rangkaian industri tersebut.

Selain itu, usaha lain dalam memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti hiliran juga diberi penekanan kepada penarikan pelaburan-pelaburan baharu ke negara ini yang mana antarlainnya termasuk seperti cadangan pengeluaran bahan kimia (*Isopropyl Alcohol – IPA*) dengan kerjasama sebuah syarikat dari Negara India, dan juga penubuhan sebuah fasiliti pengeluaran hydrogen serta utility modular container dengan kerjasama sebuah syarikat daripada Republik Indonesia.

- **Sektor Perkhidmatan** meningkat purata 1.3 peratus secara tahunan bagi tempoh 2015 hingga 2025, sejajar dengan perkembangan aktiviti perdagangan, pengangkutan dan perkhidmatan perniagaan. Dari aspek logistik, beberapa usaha telah dilaksanakan dalam membuka laluan-laluan perkapalan baharu seperti melalui penubuhan NEXT Bahtera Maritime Sdn Bhd yang menghubungkan Pelabuhan Muara dengan pelabuhan-pelabuhan strategik baharu seperti Lianyungang di Republik Rakyat China, Jakarta di Republik Indonesia, dan Subic di Republik Filipina. Selain itu, penubuhan laluan perkapalan terus oleh Shandong International Transportation Corporation (SITC) dan Warisan Shipping Lines yang menghubungkan Pelabuhan Muara ke Pelabuhan Qinzhou, juga telah memendekkan tempoh pelayaran daripada 12 hari kepada 7 hari.

Sektor ini akan diperkukuhkan lagi dengan penaiktarafan kapasiti terminal kontena di Pelabuhan Muara daripada 220,000 kepada 500,000 TEU setahun melalui pembinaan dermaga kontena baharu yang berukuran 250 meter dan dermaga kapal-kapal perkhidmatan berukuran 88 meter. Projek ini juga dirancang untuk merangkumi pembangunan *Port Trade Zone* seluas 3.62 hektar di dalam terminal kontena bagi memudahcara proses pengimportan, pengeluaran, pembungkusan semula dan pengeksportan.

- **Sektor Makanan** mencatat peningkatan purata 1.3 peratus secara tahunan bagi tempoh 2015 hingga 2025, terutamanya dipacu oleh perkembangan industri ternakan, perikanan dan pembuatan makanan. Cadangan pembangunan projek-projek strategik seperti *Agri-Tech Food Zone* dan

*Aquaculture Innovation Centre* di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kerajaan Singapura serta juga penaiktarafan fasiliti Brunei Food Industry Development (BFID) (yang dijangka akan beroperasi pada suku pertama Tahun Kewangan 2026/2027) merupakan antara inisiatif-inisiatif yang sedang diusahakan untuk meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran tempatan dan memperkukuhkan daya tahan bekalan makanan negara.

Di samping itu, dalam mendukung juga sumbangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) kepada pertumbuhan sektor makanan tempatan, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) juga sedang merancang bagi penyediaan sebuah kemudahan siap bina dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Ianya akan berfungsi sebagai hab inkubasi bagi membolehkan PMKS untuk meningkatkan lagi skala operasi mereka, mempertingkatkan produktiviti dan seterusnya menyumbang juga kepada usaha jaminan makanan jangka panjang dan matlamat mempelbagaian ekonomi.

- **Sektor ICT** berkembang purata 2.6 peratus secara tahunan bagi tempoh 2015 hingga 2025, selaras dengan peningkatan penggunaan jalur lebar (*broadband*) dan penambahan pelanggan internet. Perkembangan ini diperkukuhkan lagi dengan penguatkuasaan Perintah Perlindungan Data Peribadi (PDPO) 2025 bagi menjamin persekitaran digital yang selamat, serta pelancaran sistem pembayaran nasional 'tarus' pada awal 2025 yang menyatukan ekosistem pembayaran digital negara bagi memudahkan transaksi tanpa tunai yang lebih pantas dan inklusif. Selaras dengan Digital Masterplan 2025 dan Pelan Transformasi Digital Brunei (2026-2030), perkembangan ini akan diperkukuhkan dengan pembangunan ekosistem digital yang lebih teratur, usaha transformasi digital perkhidmatan Kerajaan serta dengan pengalakkan inovasi dalam penerapan teknologi baharu seperti AI di dalam aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi negara. Antara inisiatif yang dijalankan termasuk pembangunan pusat data berasaskan kecerdasan buatan (AI), dan fasiliti pusat data dengan reka bentuk yang diperakui Tier III bertaraf antarabangsa.
- **Sektor Pelancongan** menunjukkan pertumbuhan purata 1.5 peratus secara tahunan bagi tempoh 2015 hingga 2025, hasil peningkatan ketibaan pelancong antarabangsa serta pergerakan penerbangan ke dan dari Negara Brunei Darussalam. Usaha akan terus ditumpukan kepada pengukuhan produk dan fasiliti pelancongan negara termasuk penekanan kepada pelancongan *niche* seperti eko-pelancongan, inisiatif promosi dan pemasaran yang lebih tersasar, disamping juga meningkatkan lagi pendedahan penjenamaan (*branding*) negara.

---

Kerajaan Negara Brunei Darussalam terus komited dalam mempercepat usaha mempelbagaian ekonomi melalui pelaksanaan strategi bersepadu yang menekankan inovasi, kerjasama dan pembinaan kapasiti manusia. Langkah-langkah ini akan dipantau melalui indikator prestasi yang jelas, termasuk sumbangan sektor bukan minyak dan gas terhadap KDNK, penciptaan pekerjaan baru dan pertumbuhan pelaburan berimpak tinggi.

No. Soalan: PT029

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG  
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI II** menyatakan bagaimanakah kementerian menyediakan pegawai diplomat negara dengan kemahiran diplomasi (*diplomatic skills*) bagi mengemudi urusan diplomatik negara? Ini mengambilkira pergolakkan politik dunia yang semakin mencabar dan berlakunya perubahan dalam *strategic alliances* di antara negara-negara kuasa besar.

**JAWAPAN:**

Pegawai diplomat kita memikul tanggungjawab signifikan dalam memastikan pelaksanaan dasar luar negara yang berkesan, dan seterusnya melindungi dan memelihara kepentingan Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa.

Kita juga sedar akan kepentingan untuk melengkapkan pegawai-pegawai dengan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran asas diplomasi. Ini bukan sahaja untuk membina profesionalisme, kecekapan dan ketangkasan pegawai-pegawai tetapi juga bagi memastikan kesediaan kita berhadapan pelbagai cabaran yang timbul akibat ketidaktentuan global masa kini.

Oleh itu, Kementerian akan terus sentiasa mempertingkatkan usaha-usaha mengukuhkan keupayaan pegawai-pegawai di Kementerian ini, termasuk pembangunan kapasiti dan kemahiran diplomatik.

Pendedahan awal kepada pegawai-pegawai diberikan melalui taklimat-takli. dari setiap Jabatan dan Bahagian di Kementerian ini. Antaranya bertujuan untuk memberikan pemahaman lanjut mengenai Negara Brunei Darussalam dan dasar luarnya, serta peranan dan fungsi Jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian.

Pegawai-pegawai seterusnya akan menjalani penempatan jangka pendek di Jabatan-Jabatan yang berkenaan bagi mendedahkan mereka kepada pelbagai aspek kerja di Kementerian ini.

Selepas itu, pegawai-pegawai tersebut seterusnya akan ditempatkan di Jabatan-Jabatan lain untuk tempoh yang lebih panjang bagi membolehkan mereka untuk memperoleh kefahaman mendalam mengenai isu-isu semasa serantau dan

antarabangsa. Ini akan membolehkan mereka untuk menguasai kemahiran dan kebolehan untuk menyuarakan pendirian negara dan memastikan pelaksanaan dasar luar negara yang selaras dan menyeluruh.

Asas kemahiran diplomatik turut diterapkan dalam rangka *'on-the-job training'* bersama rakan sebaya di bawah bimbingan pegawai penyelia (*'direct supervisor'*) dan pegawai-pegawai kanan di Jabatan masing-masing.

Pendekatan mentor-mentee ini membantu pegawai mengasah kemahiran praktikal dalam mengikuti isu-isu semasa, memantau pergolakan dan perkembangan geopolitik dan keupayaan analisis bagi penyediaan laporan- laporan, perancangan dan pengubalan dasar.

Dalam tempoh ini juga, asas-asas diplomasi seperti etika dan protokol rasmi, komunikasi profesional dapat dipelajari dan dipraktikkan.

Di samping itu, pada setiap tahun, Kementerian menerima latihan atau kursus dan biasiswa yang diterima dan ditawarkan oleh negara-negara sahabat. Ini termasuk *'Women in Maritime Security'*, *'Law of the Sea'*, *'International Law Seminar'*, *'ASEAN Law and Policy Academy'*, *'Training Programme in Strategic Leadership and Public Governance'*, *'Training Programme in Peacemaking and Preventive Diplomacy for The Asia-Pacific Region, Constructive Dialogue and Confidence-Building'*, *'Training Course in Diplomacy and Regional Cooperation for Midcareer Diplomats'*, *'Training Course 'Artificial Intelligence and Diplomacy'*, *'Training Programme on Nuclear Disarmament and Non- Proliferation'*, *'Knowledge of Diplomacy for Future - Ready Diplomats'*, *Program 'Diplomatic School for Junior Diplomats'*, *'Foreign Diplomatic Course'*, dan Program pengajian peringkat Sarjana.

Tawaran-tawaran kursus dan latihan ini diberikan kepada pegawai-pegawai Kementerian di pelbagai peringkat untuk memastikan mereka sentiasa dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan. Misalnya, kursus *'Foreign Service Basic Programme'* (FSBP) ditawarkan kepada pegawai-pegawai muda ('junior officers') atau yang baru berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Terdapat juga tawaran kursus *'Foreign Service Supervisory Programme (FSSP)'* dan *'Technical Cooperation Programme'* bagi pegawai-pegawai peringkat pertengahan hingga ke peringkat Pengarah. Manakala, di peringkat Setiausaha Tetap juga ada peluang untuk menyertai program khusus seperti *'Visitor's Programme'* yang ditawarkan oleh negara-negara sahabat.

Pada kelazimannya, sebelum memulakan perkhidmatan atau ber-posting di Pejabat-Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara, pihak Kementerian akan memastikan pegawai-pegawai yang dipilih benar-benar bersedia

---

dan mempunyai pengetahuan asas dalam mengendalikan hal-hal kewangan dan pentadbiran. Mereka juga akan diatitkan untuk menjalani '*pre- posting attachments*' di Jabatan-Jabatan dan Bahagian yang utama untuk memahami skop tugas-tugas di Pejabat-Pejabat Perwakilan secara lebih berfokus dan menyeluruh.

Pegawai-pegawai tersebut juga secara mandatori dikehendaki untuk menghadiri taklimat-taklimat bersesuaian di luar Kementerian ini, seperti di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan lain-lain.

Kesemua ini bertujuan bagi melengkapkan para pegawai dengan profesionalisme dan kepakaran substantif secara komprehensif.

Di luar negeri, selain dilengkapkan dengan kemahiran substantif, tumpuan utama pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah dalam aspek logistik, pentadbiran dan kewangan, termasuk membuat persediaan bagi mesyuarat, lawatan rasmi serta pengendalian ketibaan 'VIP' di Lapangan Terbang di luar negeri.

Dalam pada itu, mereka juga perlu mempunyai kebolehan untuk membina dan memperkukuhkan '*networking*' dengan rakan-rakan antarabangsa. Ini merupakan kemahiran penting bagi para diplomat kita, terutama sekali dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa, di samping meneroka serta mempelbagaikan peluang kerjasama yang sedia ada.

---

No. Soalan: PT015

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perancangan untuk memanfaatkan aset-aset terbiar sebagai tapak bagi menjana ekonomi setempat seperti Pusat Belia, kemudahan 1K1P atau ruang kerja bersama agar memberi manfaat langsung kepada masyarakat?

**JAWAPAN:**

Sejak tahun 2022, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan Daerah telah memanfaatkan beberapa buah aset Kerajaan yang tidak digunakan lagi seperti bangunan Pejabat Pos lama di Kuala Belait yang dijadikan Pusat Satu Kampung Satu Produk, penempatan Kedai Kampung di Bangunan Kedai Rakyat Jati, Pekan Bangar, sebagai pusat pemasaran produk tempatan dan menyokong aktiviti ekonomi Majlis Perundingan Kampung; dan pembukaan Kedai Kampung di Dewan Muhibbah, Pejabat Daerah Brunei dan Muara, yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung Kasat.

Turut dilaksanakan adalah dengan mengoptimumkan unit-unit kedai di Dewan Kemasyarakatan Mentiri; bangunan Pasar Manjalin yang telah tidak beroperasi sejak tahun 1998 telah diaktifkan semula melalui kerjasama antara Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Majlis Perundingan Kampung Kasat. Di samping itu, ruang kosong di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri turut digunakan sebagai platform sebagai sokongan untuk memperkukuh pemasaran, penjenamaan dan pengembangan produk tempatan melalui aktiviti seperti pop- up market dan jualan sosioekonomi, khususnya bagi projek TUNAS, *Pop Up Market* dan sebagainya.

No. Soalan: PT024

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan usaha kementerian dalam penyelenggaraan dan penaiktarafan pos kawalan sempadan termasuk pemantauan kerja penyelenggaraan, pengurusan dan pelupusan bangunan lama? Apakah petunjuk prestasi yang digunakan bagi memastikan hasilnya selaras dengan fungsi keselamatan dan imej negara?

**JAWAPAN:**

Usaha penyelenggaraan dan penaiktarafan pos-pos kawalan di seluruh negara telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi memastikan kemudahan di pintu-pintu masuk negara sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat serta mencerminkan imej negara yang teratur dan kondusif. Ini termasuklah melalui term-contract seperti pembersihan, pemotongan rumput, pembaikan kepada struktur bangunan. Projek-projek pembaikan secara *one-off* adalah termasuk pembaikan jalan-jalan di kawasan pos kawalan, penaiktarafan kemudahan tandas serta pembaikan kaunter-kaunter pemeriksaan bagi meningkatkan keselesaan dan kelancaran operasi di pintu masuk negara.

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga telah diperuntukkan di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN 12) bagi melaksanakan Projek Penaiktarafan Pos-Pos Kawalan Imigresen yang melibatkan empat pos kawalan utama iaitu Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh, Pos Kawalan Imigresen Sementara Labu, Pos Kawalan Imigresen Sementara Kuala Lurah dan Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan dimana perbincangan dengan Jabatan Kerja Raya untuk menyediakan pelan dan lukisan (drawings) telah pun selesai dibuat dan projek-projek berkenaan adalah dijangka siap pada tahun 2028 hingga 2029.

Untuk makluman, dalam mereka bentuk projek penaiktarafan ini, pihak JIPK turut mengambil kira keperluan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkepentingan yang beroperasi di pos-pos kawalan melalui sesi perbincangan dan mesyuarat penyelarasan. Ini termasuk agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Biro Kawalan Narkotik serta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, bagi memastikan aspek keselamatan negara di pintu-pintu masuk sempadan sentiasa terjamin.

---

No. Soalan: PT014

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan kerjasama bersepadu antara agensi-agensi untuk mengenal pasti kawasan tertentu di Kampung Ayer untuk dipelihara sebagai kawasan warisan budaya bagi pemeliharaan dan penghayatan pengalaman kehidupan tradisional?

**JAWAPAN:**

Dalam konteks pembangunan pelancongan, Kampung Ayer turut terus dipromosikan sebagai salah satu tarikan utama negara. Pendekatan yang diambil adalah untuk memastikan bahawa pembangunan pelancongan yang dilaksanakan menyokong pemeliharaan warisan budaya dan kehidupan tradisional masyarakat setempat.

Di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-12, usaha sedang dilaksanakan untuk menaik taraf kemudahan di Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer agar ia menjadi pusat interpretasi yang lebih interaktif dalam memperkenalkan sejarah, warisan serta cara hidup masyarakat Kampung Ayer kepada para pengunjung.

Di samping itu, pelbagai pakej pengalaman pelancongan turut diperkenalkan oleh penyedia perkhidmatan pelancongan bagi membolehkan pelawat memahami dengan lebih dekat kehidupan komuniti Kampung Ayer, termasuk aktiviti menyelusuri Sungai Brunei, lawatan ke perkampungan tradisional serta interaksi bersama komuniti setempat.

Dalam hal ini, beberapa agensi Kerajaan memainkan peranan masing-masing melalui pendekatan *whole-of-government*, termasuk Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan yang berkaitan, Jabatan Muzium-Muzium di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, serta Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kerjasama ini bertujuan untuk menilai dan mengenal pasti kawasan-kawasan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan identiti komuniti yang signifikan di Kampung Ayer bagi dipertimbangkan sebagai kawasan yang wajar dipelihara dan diperkasakan sebagai warisan budaya negara.

---

Usaha juga memberi tumpuan untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan asas dalam melaksanakan kerja-kerja seperti pembinaan jambatan pejalan kaki (titian) yang menghubungkan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer dengan Perumahan Lorong Sikuna dan jeti-jeti di Sungai Brunei serta pemasangan papan-papan maklumat di destinasi pelancongan. Inisiatif ini adalah komitmen berterusan Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Kementerian dan agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pembangunan; dan *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)* dalam menyediakan infrastruktur yang selamat, di samping menyokong pengalaman lawatan yang lebih positif di kawasan berkenaan.

Usaha-usaha ini juga mengambil kira kepentingan mengekalkan keaslian kehidupan masyarakat Kampung Ayer, termasuk gaya hidup, kegiatan ekonomi kecil-kecilan serta amalan sosial dan budaya yang menjadi identiti unik perkampungan air tersebut.

Melalui pendekatan bersepadu ini, Kementerian berharap Kampung Ayer akan terus dipelihara sebagai ikon warisan budaya negara, di samping menjadi destinasi pelancongan yang memberi manfaat kepada komuniti setempat serta menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan negara secara mampan.

---

No. Soalan: PT018

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan penilaian kementerian terhadap pulangan sebenar ekonomi (*economic return*) bagi sektor pelancongan negara? Sejauh mana dasar sedia ada berupaya meningkatkan visitor spend, tempoh tinggal dan nilai rantaian tempatan, berbanding kepada meningkatkan angka ketibaan semata-mata?

**JAWAPAN:**

Kementerian menyedari bahawa kejayaan sektor pelancongan tidak hanya diukur melalui jumlah ketibaan pelancong semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah pulangan ekonomi sebenar kepada negara, termasuk perbelanjaan pelawat, tempoh penginapan serta sumbangan kepada rantaian nilai tempatan. Pada tahun 2025, jumlah ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam adalah sekitar 763,375 orang yang mana telah menunjukkan peningkatan sekitar 13% dari tahun 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh pecahan kemasukan pelancong melalui darat, udara, dan laut, masing-masing sekitar 14.1%, 46.2%, dan 6.9%, yang mana peningkatan yang ketara adalah kedatangan pelancong melalui *cruise ship* atau kapal persiaran.

Peningkatan signifikan dalam kedatangan pelancong ini telah membuka pelbagai peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan dalam sektor perhotelan, perkhidmatan pemandu pelancong, dan turut memberi impak positif secara langsung kepada ekonomi tempatan.

Dalam menilai pulangan ekonomi sektor ini, Kementerian mengambil kira beberapa petunjuk utama seperti purata perbelanjaan pelancong, tempoh penginapan (*average length of stay*), serta impak ekonomi kepada sektor berkaitan seperti perhotelan, makanan dan minuman, pengangkutan, serta perkhidmatan pelancongan tempatan.

Sehubungan itu, dasar pembangunan pelancongan negara memberi penekanan kepada pendekatan “value-driven tourism”, iaitu menarik pelawat yang berpotensi memberikan nilai ekonomi yang lebih tinggi, dan bukan hanya meningkatkan jumlah ketibaan semata-mata.

---

Antara pendekatan yang diambil termasuk memberi tumpuan kepada segmen MICE dan business tourism, yang lazimnya melibatkan pelawat berpendapatan tinggi serta mempunyai tahap perbelanjaan yang lebih besar semasa berada di negara ini.

Di samping itu, usaha memperkukuhkan kesalinghubungan udara dengan kerjasama syarikat penerbangan, termasuk Royal Brunei, AirAsia, Singapore Airlines dan Cebu Pacific, untuk memperkukuh jaringan udara dan membuka laluan baharu seperti ke Balikpapan, Beijing, Chennai, dan Haikou.

Seiring itu, usaha kolaboratif bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) turut dilaksanakan bagi memudahkan akses pelawat dari pasaran utama, termasuk pembukaan laluan baharu dan dasar visa yang lebih mudahcara bagi beberapa negara. Usaha ini meliputi visa 30 hari untuk Jepun dan pengecualian visa bagi Republik Rakyat China serta Chinese Taipei yang dijangka mampu menarik lebih ramai pelancong. Langkah ini khususnya memberi impak positif kepada segmen educational tourism, selaras dengan permintaan yang semakin meningkat terhadap program pendidikan immersif dari pasaran berkenaan.

Dalam masa yang sama, pembangunan produk pelancongan turut dipelbagaikan dengan menonjolkan destinasi berasaskan alam semula jadi, komuniti dan budaya, seperti di kawasan Labi, Lamunin dan perkampungan tempatan, yang memberi peluang kepada pelawat untuk tinggal lebih lama serta berinteraksi dengan komuniti setempat.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pengalaman pelawat, tetapi juga membantu meningkatkan perbelanjaan pelancong serta memperluaskan manfaat ekonomi kepada komuniti tempatan dan kawasan luar bandar.

Secara strategik, pendekatan ini bertujuan memastikan sektor pelancongan negara berkembang secara mampan dan berimpak tinggi, dengan memberi tumpuan kepada peningkatan nilai ekonomi yang dijana oleh setiap pelawat yang datang ke Negara Brunei Darussalam.

---

No. Soalan: PT019

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada tren penurunan pencapaian industri perikanan daripada BND3.87 juta (tahun 2023) kepada BND2.83 juta (tahun 2024), dan apakah perancangan bagi menangani jurang pencapaian tersebut?

**JAWAPAN:**

Terlebih dahulu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin menjelaskan mengenai pencapaian keseluruhan sektor perikanan.

Berdasarkan kepada rekod Kementerian ini, pencapaian keseluruhan sektor perikanan bagi tahun 2022 adalah sebanyak \$211.21 juta, pada tahun 2023 adalah sebanyak \$166.57 juta dan bagi tahun 2024 adalah sebanyak \$161.60 juta. Secara khususnya, tren penurunan ini dapat dilihat melalui perbezaan pencapaian tahunan, iaitu sebanyak \$44.64 juta pada tahun 2023 berbanding pencapaian pada tahun 2022, dan penurunan sebanyak \$4.96 juta pada tahun 2024 berbanding pencapaian pada tahun 2023.

Kementerian juga ingin menjelaskan bahawa penurunan pencapaian industri perikanan yang dinyatakan adalah berkait rapat dengan cabaran khusus yang dihadapi dalam sektor akuakultur, terutamanya dalam industri ternakan udang, dan bukan disebabkan oleh kemerosotan menyeluruh dalam sektor perikanan negara.

Keadaan ini berpunca daripada isu penyakit udang yang mula dikesan sejak tahun 2023 di beberapa ladang ternakan utama, yang telah menjejaskan kadar pertumbuhan udang serta meningkatkan kadar kematian ternakan. Keadaan ini telah menjejaskan kadar pertumbuhan udang dan menyebabkan peningkatan kadar kematian ternakan, sekali gus memberi kesan kepada bekalan bahan mentah bagi industri pemprosesan hasil perikanan tempatan.

Bagi menangani cabaran ini dan merapatkan jurang pencapaian tersebut, Kementerian melalui Jabatan Perikanan telah melaksanakan beberapa langkah strategik.

Antaranya termasuk memperkukuhkan langkah biosekuriti dan kawalan penyakit bagi ternakan ikan dan udang di peringkat ladang. Selain itu, Jabatan Perikanan turut melaksanakan Pelan Pemulihan Industri Ternakan Udang (*Shrimp Recovery Programme*) yang memberi tumpuan kepada pengurangan kadar penyakit, peningkatan produktiviti serta pengukuhan kapasiti pengeluaran ladang ternakan udang tempatan.

Di samping itu, langkah kawalan terhadap sumber bekalan benih udang turut diperkemas melalui penilaian pembekal benih import bagi memastikan hanya pembekal yang memenuhi piawaian biosekuriti dimasukkan ke dalam senarai pembekal yang diluluskan, bagi mengurangkan risiko kemasukan penyakit ke dalam negara.

Melalui langkah-langkah ini, industri ternakan udang akan dapat dipulihkan secara berperingkat, sekali gus menyumbang kepada peningkatan semula pencapaian industri perikanan negara.

Perlu juga diketengahkan bahawa terdapat peningkatan sebanyak \$15.91 juta pada tahun 2025 berbanding pencapaian pada tahun 2024, seperti berikut:

Tahun	2022	2023	2024	2025
Nilai keluaran (\$ juta)	\$211.21	\$166.57	\$161.60	\$177.51
Perbezaan keluaran dari tahun sebelumnya	—	- \$44.64	- \$4.96	+ \$15.91

Peningkatan ini disumbangkan oleh kesemua industri di sektor perikanan terutamanya oleh:

- industri penangkapan ikan melalui penambahan bilangan kapal komersil yang beroperasi;
- industri akuakultur dari peningkatan ternakan ikan laut; dan
- industri pemprosesan dari peningkatan produk nilai tambah.

Berdasarkan peningkatan ini, langkah-langkah yang dilaksanakan telah mendatangkan hasil yang positif. Segala inisiatif yang telah diusahakan akan terus diperbaiki dan dipertingkatkan demi memastikan cabaran-cabaran yang wujud dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.

---

No. Soalan: PT021

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan bagaimana mengimbangi antara objektif sekuriti makanan negara dengan keperluan keuntungan pengusaha pertanian? Apakah petunjuk prestasi yang digunakan untuk memastikan dasar pertanian tidak mewujudkan kebergantungan berpanjangan kepada sokongan kerajaan?

**JAWAPAN:**

Dalam memastikan keseimbangan antara objektif sekuriti makanan negara dan keperluan keuntungan pengusaha pertanian, pendekatan Kementerian adalah untuk memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, kecekapan kos serta pembangunan industri pertanian yang berdaya maju secara komersial.

Pendekatan ini penting bagi memastikan bahawa pengeluaran makanan tempatan bukan sahaja menyumbang kepada sekuriti bekalan makanan negara, tetapi pada masa yang sama dapat memberikan pulangan ekonomi yang mampan kepada para pengusaha pertanian.

Sehubungan itu, dasar pembangunan sektor pertanian tidak hanya tertumpu kepada sokongan Kerajaan semata-mata, tetapi lebih kepada usaha memperkukuhkan keupayaan pengeluaran dan daya saing industri, termasuk melalui penggunaan teknologi moden, penyelidikan dan inovasi, serta pembangunan ladang berskala komersial yang mampu mencapai ekonomi skala.

Di samping itu, pengukuhan aspek pemasaran dan akses kepada pasaran turut diberi perhatian bagi memastikan hasil pertanian tempatan mempunyai saluran pasaran yang stabil dan berdaya saing. Pengusaha yang telah mencapai tahap pengeluaran yang tinggi juga digalakkan untuk meneroka pasaran eksport sebagai langkah memperluaskan peluang pendapatan.

Bagi menilai keberkesanan dasar ini serta memastikan sektor pertanian tidak bergantung secara berpanjangan kepada sokongan Kerajaan, beberapa indikator prestasi utama digunakan.

Antaranya termasuk Tahap Sara Diri (*Self-Sufficiency Ratio*) yang mengukur keupayaan pengeluaran tempatan memenuhi permintaan domestik melalui pengeluaran tempatan tanpa bergantung kepada import, serta produktiviti per hektar,

---

yang menunjukkan tahap kecekapan penggunaan tanah dan penggunaan teknologi dalam meningkatkan hasil pertanian.

Selain itu, peningkatan pendapatan bersih pengusaha pertanian turut menjadi indikator penting dalam menilai sejauh mana industri ini mampu beroperasi secara mampan dan berdaya tahan tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan.

Melalui pendekatan ini, Kementerian berhasrat untuk membangunkan sektor pertanian yang bukan sahaja menyumbang kepada sekuriti makanan negara, tetapi juga mampu berkembang sebagai industri yang berdaya maju, berdaya saing dan memberikan pulangan ekonomi yang berterusan kepada para pengusaha tempatan.

No. Soalan: PT031

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah keberkesanan penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan (seperti Expo Produk, Festival Makanan, *Consumer Fair*), terutamanya dari segi *spin-off effect* kepada aktiviti ekonomi domestik, peningkatan peluang berniaga kepada PMKS terutamanya belia-belia tempatan, di samping impaknya terhadap pengaliran wang masuk/keluar negara?

**JAWAPAN:**

Kementerian melalui strategi pengukuhan ekosistem industri sumber-sumber utama dan pelancongan sentiasa komited dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Penganjuran Ekspo Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menunjukkan keberkesanan inisiatif dalam menghasilkan *spin-off effect* yang signifikan.

Pada tahun 2025, Ekspo Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang turut menggabungkan Ekspo Produk Tempatan Kali Ke-4 telah mencatatkan pencapaian jualan keseluruhan sekitar \$198 ribu dengan penyertaan yang menggalakkan daripada pengusaha tempatan iaitu sebanyak 137 pengusaha dalam tempoh tiga (3) hari. Pencapaian ini mencerminkan daya saing produk tempatan yang semakin meningkat.

Ekspo ini juga merupakan satu platform bagi mengetengahkan produk-produk dan perkhidmatan yang telah dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan termasuk dari Majlis Perwakilan Kampung (MPK) dalam 13 kategori atau kluster yang terdiri dari kluster pertanian dan agrimakanan; perniagaan, perbankan dan kewangan; pembinaan dan rekabentuk dalaman; fesyen dan pakaian; perikanan dan pemprosesan ikan; makanan dan minuman; pelancongan dan hospitaliti; teknologi info-komunikasi dan produk kreatif; produk perkayuan, dan lain-lain, termasuk produk-produk 1 Kampong 1 Produk (1K1P) di bawah Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kementerian Hal Ehwal yang Negeri.

Sepanjang empat tahun penganjuran sejak diperkenalkan pada tahun 2022, ekspo ini telah membuktikan impak ekonominya dengan menjana jumlah pendapatan secara kumulatif melebihi \$1 juta brunei dollar hasil daripada kunjungan sekitar

---

78,000 pelawat. Inisiatif ini bukan sekadar sebuah acara tahunan, malah bertindak sebagai pemangkin ekonomi yang menjana *spin-off effect* yang signifikan.

Kementerian akan terus memperkukuh daya saing produk domestik bagi menjamin sektor sumber-sumber utama dan pelancongan kekal sebagai sektor yang signifikan dalam agenda diversifikasi ekonomi negara, sejajar dengan sasaran pembangunan nasional yang berterusan dan mampan.

No. Soalan: PT041

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah kementerian mengkaji semula struktur subsidi dan harga beli balik termasuk pengurangan kebergantungan kepada beras *import* dan cara menggalakan peningkatan pengeluaran padi tempatan?

**JAWAPAN:**

Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan sentiasa meneliti dan mengkaji semula struktur sokongan yang diberikan kepada industri penanaman padi, termasuk skim subsidi serta Skim Bantuan Harga Padi, bagi memastikan dasar yang dilaksanakan terus menyokong pembangunan industri padi tempatan secara mampan.

Pendekatan yang diambil adalah untuk memastikan sokongan Kerajaan dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan peladang padi serta mengurangkan kebergantungan kepada subsidi dalam jangka panjang.

Sehubungan itu, beberapa usaha sedang dilaksanakan untuk memperkukuhkan industri padi tempatan. Antaranya termasuk penggunaan varieti padi yang berpotensi menghasilkan hasil yang lebih tinggi, pengurusan ladang yang lebih cekap serta pengukuhan aspek penyelidikan dan inovasi bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi.

Selain itu, pendekatan kerjasama dalam kalangan peladang turut digalakkan bagi membolehkan penggunaan jentera pertanian dan kemudahan ladang secara lebih berkesan, sekali gus mencapai *economies of scale* yang lebih baik dan mengurangkan kos pengeluaran.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi tempatan dan seterusnya menyumbang kepada usaha mengurangkan kebergantungan kepada beras import.

Walau bagaimanapun, mengambil kira keluasan tanah yang sesuai untuk penanaman padi di negara ini adalah terhad, pendekatan sekuriti makanan negara juga mengambil kira keperluan untuk memastikan kepelbagaian sumber bekalan

beras melalui import yang stabil dan terjamin, di samping terus memperkuat pengeluaran tempatan. Oleh yang demikian, dalam mempelbagaikan sumber pembekalan beras, pihak Kementerian bersama agensi-agensi lain yang berkenaan pada masa ini sedang menerokai potensi bertanam padi di luar negara.

Melalui pendekatan ini, Kementerian berhasrat untuk memastikan industri padi tempatan terus berkembang secara mampan serta menyumbang kepada sekuriti makanan negara dalam jangka panjang. Kementerian juga telah mensasarkan penghasilan beras bagi kadar sara diri lima (5) tahun yang akan datang meningkat dari 2,594 tan metrik pada tahun 2025 kepada 4,030 tan metrik menjelang tahun 2030, seperti jadual berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2025 (sebenar)</b>	<b>2026</b>	<b>2027</b>	<b>2028</b>	<b>2029</b>	<b>2030</b>
<b>Sarasan hasil beras (MT)</b>	2,594	3,004	3,315	3,575	3,900	4,030
<b>Sasara % sara diri</b>	8.5%	9%	9%	10%	11%	12%

---

No. Soalan: PT013

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI  
BIN HAJI MOMIN**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan mekanisme yang diwujudkan bagi memastikan dasar dan proses kelulusan ABCi kekal relevan serta dikemas kini demi kepentingan awam dan pembangunan ekonomi?

**JAWAPAN:**

Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan selaku pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan sentiasa mengawal selia kemajuan dan memantau perkembangan industri pembinaan dengan memastikan semua kerja pembinaan yang dijalankan adalah selamat menurut Akta Kawalan Bangunan (Penggala 256) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bangunan.

Pihak ABCi akan bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk memastikan proses kelulusan kekal relevan dan akan dikemaskini jika ada sebarang perubahan atau penambahbaikan yang diperlukan. Perkara ini seterusnya akan disalurkan kepada orang ramai melalui Nota Teknikal Industri yang boleh didapati di laman sesawang ABCi, media sosial dan sesi pemberitaan yang diadakan setiap tahun.

No. Soalan: PT028

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan bagi penurapan dan pembaikan jalan raya yang dibuat secara menyeluruh dan berperingkat termasuk usaha *preventive* yang bukan bersifat sementara.

**JAWAPAN:**

Kerja-kerja membaikpulih dan menurap semula jalan-jalan dilaksanakan secara berperingkat meliputi semua jalan-jalan utama dengan mengikut keutamaan dan peruntukan yang diluluskan. Setakat ini 18 Projek yang melibatkan kerja-kerja membaikpulih dan menurap semula jalan-jalan rosak dijalankan secara berjadual. Daripada 18 projek yang disusun, sejumlah 11 kontrak penggal telah siap di mana sepanjang 16.8 km jalan utama telah selesai dibaikpulih dan diturap semula, iaitu:

- i. Lebuhraya Tungku dan Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddin (3.5 km)
- ii. Jalan Kebangsaan (0.670 km)
- iii. Jalan Utama Mentiri (0.4 km)
- iv. Lebuhraya Sultan Hassanah Bolkuah (Airport Bound) (0.583 km)
- v. Jalan Gadong (0.820 km)
- vi. Lebuhraya Lumut-Belait (1.4 km)
- vii. Jalan Jerudong (0.405 km)
- viii. Kerja-Kerja Ad-Hoc bagi Jalan Protokol (2.77 km)
- ix. Jalan Utama Berakas (1.252 km)
- x. Jalan Jame' Asr (0.17 km)
- xi. Jalan Tutong (1.1 km)

Sehingga kini, 11 kontrak telah siap melibatkan sepanjang 16.8 km jalan utama, manakala 3 kontrak sedang dalam pelaksanaan, 2 kontrak dalam proses penilaian tawaran, dan 2 kontrak dibatalkan serta ditawarkan semula yang mana akan menasaskan pembaikan tambahan sepanjang 26.3 km jalan utama.

Penggunaan teknologi baru juga digunakan dalam kerja-kerja membaikpulih dan menurap semula dalam memastikan ketahanan jalan raya serta memanjangkan jangka hayat jalan tersebut:

- 
- i. Penggunaan Asphalt Fiber Reinforcement atau fibres dalam campuran aspal untuk meningkatkan ketahanan lapisan aspal daripada keretakan dan berombak.
  - ii. Kedua, Pemasangan Fiberglass Reinforcement Grid bertujuan untuk meningkatkan kekuatan dasar struktur jalan raya untuk lebih tahan terhadap beban lalu lintas seterusnya mencegah jalan tidak rata, retak dan sebagainya.
  - iii. *Polymer* yang digunakan dalam campuran *roadbase* (atau batu) ini mampu untuk menghasilkan lapisan yang meningkatkan ketahanan terhadap air dan beban lalu lintas yang mana ini diharapkan dapat mengurangi kerosakkan seperti jalan berlobang, retak dan sebagainya.

No. Soalan: PT038

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH  
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan langkah untuk mengawal dan memulihkan pencemaran mikrob dan organik berdasarkan kajian Onifade et al., 2025 yang melaporkan peningkatan bakteria koliform sehingga  $1.6 \times 10^5$  MPN/100mL di beberapa stesen Sungai Brunei selepas 2018, khususnya yang berhampiran kawasan berpenduduk padat, akibat limpahan kumbahan dan sistem pemetungan yang tidak mencukupi.

**JAWAPAN:**

Sebahagian kawasan Perkampungan Ayer lama masih belum dilengkapi dengan sistem pemetungan berpusat yang menyeluruh. Kaedah pelupusan kumbahan di kawasan tersebut masih bergantung kepada sistem tradisional dan pelepasan terus ke sungai. Beberapa penempatan di Kampong Ayer telah dilengkapi dengan sistem pemetungan vakum, antaranya:

- Kampong Lurong Sikuna (dibina 2012, ±260 penduduk)
- Kampong Sungai Bunga (dibina 1998, ±723 penduduk)
- Kampong Bolkiah 'A' (dibina 1996, ±979 penduduk)
- Kampong Bolkiah 'B' (dibina 1996, ±1,159 penduduk)

Secara keseluruhannya, dianggarkan kira-kira 20.5% penduduk Kampong Ayer kini telah mendapat manfaat daripada sistem pemetungan vakum tersebut.

Langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

1. Pemasangan *Floating Debris Boom Trap* secara Strategik: Berfungsi sebagai banteng fizikal untuk memerangkap sampah sarap (plastik, tin, dan sisa domestik). Langkah ini secara tidak langsung mengurangkan beban pencemaran organik dengan menghalang pereputan sisa di dalam air yang boleh menjadi medium pembiakan bakteria koliform.
2. Kerja-kerja Pengorekan (*Dredging*): Dilaksanakan di sebahagian Sungai Brunei, sebahagian Sungai Damuan dan sebahagian Sungai Kedayan. Tujuannya adalah untuk mengembalikan isipadu asal sungai, sekaligus membolehkan proses pencairan (*dilution*) bahan pencemar berlaku secara optimum.

3. Menaiktaraf Infrastruktur Pembetulan: Projek menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan (STP) di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 khususnya di kawasan Gadong dan Pintu Malim, sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan rawatan kumbahan di sekitar tadahan Sungai Brunei. Projek ini telah bermula pada 25 Februari 2025 dan dijangka siap pada 24 Ogos 2026, diikuti dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 12 bulan. Skop projek meliputi kerja-kerja pembinaan sivil dan struktur (C&S), penggantian dan pemasangan peralatan mekanikal dan elektrik, penambahbaikan sistem rawatan air kumbahan, serta integrasi sistem pemantauan automatik. Projek ini bertujuan untuk memastikan efluen yang dilepaskan memenuhi piawaian kualiti, khususnya dalam mengurangkan kandungan bakteria koliform, serta meningkatkan kapasiti dan kecekapan loji bagi menampung pertambahan penduduk di masa hadapan, khususnya di kawasan bandar.

Secara keseluruhannya, projek ini akan menyumbang kepada pengurangan pelepasan air kumbahan tidak terawat ke Sungai Brunei, meningkatkan keberkesanan rawatan air sisa, serta mengurangkan beban pencemaran organik dan mikrobiologi. Ini seterusnya akan membantu menurunkan paras koliform secara berperingkat, sekaligus meningkatkan kualiti air sungai dan mengurangkan risiko terhadap kesihatan awam.



---

disasarkan dalam IEP. Kerjasama antara Bahagian Penilaian dan Intervensi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain di Jabatan Pendidikan Khas serta pihak sekolah dilaksanakan melalui pendekatan kolaboratif bagi memastikan kesinambungan intervensi, penyelarasan bantuan serta pemantauan kemajuan pelajar secara bersama. Di samping itu, penggunaan bahan bantu mengajar serta teknologi Bantuan dipertingkatkan mengikut kesesuaian keperluan pelajar.

Dalam memastikan penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib tidak membebankan pihak sekolah, Kementerian melaksanakan pendekatan berasaskan keperluan melalui penempatan sumber pembelajaran dan tenaga pengajar secara sistematik, penubuhan Pusat Kecemerlangan, serta peningkatan kapasiti guru melalui latihan perkembangan profesional yang berterusan. Penambahbaikan persekitaran pembelajaran seperti bilik sumber dan ruang intervensi juga dilaksanakan secara berperingkat.

Melalui pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu ini, pihak Kementerian akan terus memastikan setiap pelajar berkeperluan khas bukan sahaja mendapat akses kepada pendidikan, malah menerima pembelajaran yang benar-benar bermakna, berterusan dan bersesuaian dengan potensi masing-masing.

No. Soalan: PT007

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi kementerian untuk mengiktiraf profesional industri sebagai adjunct lecturer, dan sejauhmanakah kementerian mempertimbangkan skim adjunct lecturer dengan mobiliti antara universiti serta laluan pengiktirafan dan pembangunan kerjaya yang jelas?

**JAWAPAN:**

Kementerian Pendidikan menyedari bahawa sinergi antara akademia dan industri adalah tunjang utama dalam merealisasikan visi dan misi Pelan Strategi Kementerian Pendidikan, sekaligus aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam menghasilkan modal insan yang relevan dengan keperluan pasaran kerja global. Strategi kementerian untuk mengiktiraf profesional industri sebagai *adjunct lecturer* atau *fasilitator* pakar bukan sekadar satu pelantikan formal, tetapi merupakan sebahagian daripada transformasi ekosistem pendidikan tinggi dan vokasional yang lebih dinamik dan inklusif.

Pengambilan tenaga akademik secara separuh masa dari pihak industri adalah melalui Skim *Adjunct Lecturer* yang sedia ada dan skim ini adalah di bawah kawalan dan pemantauan institusi pengajian tinggi (IPT) dan institusi TVET masing-masing. Profesional dan pakar dari industri dan sektor swasta sememangnya sudah sekian lama diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan melalui pengambilan sebagai adjunct lecturer oleh IPT dan TVET dengan menggunakan skim tersebut. Memandangkan pakar yang diambil sebagai adjunct lecturer ini adalah secara separuh masa, mereka boleh berkhidmat dengan lebih dari sebuah institusi samada dalam atau luar negeri, di antara lain tertakluk kepada kesanggupan mereka dan kesesuaian kepakaran mereka. Jika mereka ingin membina kerjaya mereka sebagai tenaga akademik secara sepenuh masa, mereka boleh memohon jawatan-jawatan tetap atau berkontrak yang ditawarkan oleh institusi pengajian.

Untuk makluman, selain dari laluan sebagai *adjunct lecturer*, profesional industri juga terlibat dalam *Faculty Advisory Boards* dan *Industry Board Advisory Meetings* di IPT dan TVET. Platform ini membolehkan pakar industri menyumbang secara langsung dalam semakan kurikulum bagi memastikan setiap modul pengajian sejajar dengan trend teknologi terkini dan amalan terbaik industri. Profesional ini bukan sahaja memberi input strategik, malah sering dijemput untuk menyampaikan kuliah jemputan (*guest lectures*) untuk berkongsi pengalaman praktikal dunia sebenar

---

kepada pelajar, yang bertindak sebagai pemangkin motivasi dan jambatan kepada alam pekerjaan. Kolaborasi dengan pakar industri di universiti turut dilanjutkan ke projek-projek penyelidikan bersama, yang secara tidak langsung menyediakan laluan pembangunan kerjaya bagi pengamal industri dalam bidang penyelidikan dan pendidikan. Langkah ini memastikan kualiti pendidikan tinggi negara terus ditingkatkan melalui integrasi pengetahuan teknikal yang mutakhir.

No. Soalan: PT012

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi Kementerian bagi memastikan institusi pengajian tinggi negara menyumbang kepada pembangunan ekonomi melalui inovasi, penyelidikan serta daya saing Brunei selaras dengan Wawasan 2035?

**JAWAPAN:**

Strategi Kementerian Pendidikan untuk memastikan institusi pengajian tinggi (IPT) menjadi penggerak utama pembangunan ekonomi berpaksikan kepada Matlamat Strategik 2, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027, iaitu mempertingkatkan ekosistem pendidikan yang inovatif. IPT tidak lagi hanya berfungsi sebagai institusi pengajaran, tetapi telah bertransformasi menjadi hab inovasi yang memacu daya saing negara bagi mendokong wawasan negara.

Salah satu mekanisme utama ialah melalui pemeraksanaan Ukuran Kejayaan Utama (*Key Success Measure* - KSM) 7 Kemampunan atau Kelestarian (*Sustainability*). Dalam konteks ini, kemampunan diukur melalui jumlah kolaborasi antara IPT tempatan (awam dan swasta) dengan industri serta agensi luar negeri sebagai pemangkin penyelidikan termaju. Data menunjukkan bahawa pada tahun 2023, kolaborasi ini mencapai sebanyak 174 MOU aktif, manakala pada tahun 2024, ianya meningkat sebanyak 210 MOU aktif, dan diikuti sebanyak 284 MOU aktif pada tahun 2025. Terkini, iaitu setakat Mac 2026, jumlah ini terus meningkat kepada 293 MOU aktif yang turut memacu pelbagai projek penyelidikan berimpak tinggi. Sinergi ini membolehkan pelajar dan penyelidik menambah nilai kepada sistem pengetahuan global sambil menangani cabaran ekonomi dunia nyata.

Sebagai contoh, UBD telah melancarkan Pelan Induk Kelestarian pada 5 Ogos 2024, yang menumpukan kepada memacu inovasi melalui penyelidikan kelestarian antara disiplin. Peruntukan Dana Hijau di UBD menyokong projek-projek yang mempunyai potensi komersial dalam menangani isu alam sekitar dan ekonomi. Sementara itu, UTB melalui Pejabat Perusahaan (*Enterprise Office*) menerajui inisiatif harta intelek (IP) nasional dan menjalankan Program *Start-up* yang komprehensif. Program ini merangkumi fasa pengesahan idea sehingga sokongan pelaburan bagi pemenang inovasi, dengan pembiayaan daripada rakan strategik seperti *Brunei Shell Petroleum* (BSP).

---

Bagi menyokong daya saing antarabangsa, kementerian juga menetapkan KSM 4, iaitu sasaran bagi sekurang-kurangnya dua IPT tempatan berada dalam kedudukan 20% teratas secara global atau di peringkat Asia. Kedudukan yang diiktiraf oleh badan seperti QS dan Times Higher Education mencerminkan kualiti penyelidikan dan reputasi majikan yang tinggi.

No. Soalan: PT036

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN  
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan isu *mismatch* di mana graduan lepasan institusi tempatan tidak selaras dengan kerjaya yang diceburi. Adakah ini berpunca dari kekurangan dalam *Training Needs Analysis* atau perkara lain?

**JAWAPAN:**

Isu ketidaksepadanan (*mismatch*) antara graduan dan kerjaya merupakan cabaran kompleks yang ditangani oleh kementerian melalui pendekatan pelbagai sudut, melangkaui sekadar analisis keperluan latihan (*Training Needs Analysis* - TNA). Kementerian Pendidikan menggunakan data daripada Ukuran Kejayaan Utama (*Key Success Measure* - KSM) 5 dan 6 sebagai indikator utama untuk memantau keberkesanan graduan di pasaran kerja.

Berdasarkan data Kadar Kepuasan Majikan (KSM 6) terhadap graduan tempatan kekal tinggi, iaitu sebanyak 80.2% pada tahun 2023 dan 77.8% pada tahun 2024. Angka ini menunjukkan bahawa secara umum, graduan memiliki kompetensi dasar yang diperlukan oleh industri. Walau bagaimanapun, isu mismatch tetap wujud dan kementerian melaksanakannya Kajian Kebolehkeraan Graduan (*Graduate Employment Study* - GES) secara tahunan untuk meneliti kesesuaian bidang pengajian dengan pekerjaan sebenar selepas 6 dan 12 bulan tamat pengajian. Sebagai contoh, UNISSA melalui pejabat OCeAN menggunakan data GES untuk fakulti menilai semula dan menjajarkan semula kurikulum mengikut dinamika pasaran kerja.

Pihak kementerian mengenal pasti bahawa *mismatch* seringkali bukan disebabkan oleh kegagalan kurikulum semata-mata, tetapi kekurangan pendedahan praktikal yang mendalam semasa pengajian. Oleh itu, program perantisan sasaran diperkukuh, seperti Program *Headstart* di UBD yang membolehkan pelajar sains digital memperoleh 16 kredit modular melalui latihan industri di syarikat teknologi seperti Dynamik Technologies. Di UTB, projek *Capstone* dan Latihan Industri Mandatori memastikan setiap graduan mendapat pengalaman langsung dalam menangani cabaran sebenar industri.

---

Selain itu, kementerian melalui matlamat pembangunan sumber manusia (Matlamat 3) sentiasa menjalankan Analisis Keperluan Latihan (TNA) untuk tenaga pengajar dan kakitangan bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran terkini untuk disampaikan kepada pelajar. Bagi graduan, inisiatif upskilling dan reskilling melalui pusat pembelajaran sepanjang hayat (seperti C3L di UBD dan Tri-CEd di UTB) disediakan untuk merapatkan jurang kemahiran bagi mereka yang ingin beralih ke bidang pekerjaan baharu. Penggunaan projek *Cohort Tracking 2024* juga membantu mengenal pasti lepasan sekolah yang berada dalam kategori NEET (21% pada tahun 2023) untuk diberikan bimbingan kerjaya awal agar pilihan bidang pengajian mereka lebih tepat dan mengurangkan risiko mismatch di masa hadapan. Strategi komprehensif ini memastikan sistem pendidikan negara lebih responsif terhadap perubahan landskap ekonomi selaras dengan *Manpower Blueprint*.

Terkini, Kementerian Pendidikan mula melaksanakan *Feature Analysis Model* pada tahun ini secara sistematik di seluruh IPT awam. Melalui strategi ini, pihak IPT dan kementerian berkeupayaan untuk memastikan setiap program yang dilaksanakan samada mencapai kecemerlangan, memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa, atau perlu disusun atur dengan lebih sistematik agar ianya bertepatan dengan kehendak sektor pekerjaan dan hala tuju pembangunan nasional.

No. Soalan: PT037

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kementerian mempertimbangkan penggunaan indikator tambahan yang lebih holistik, selain yang digunakan pada masa ini contohnya perbandingan PISA 2018–2022 dalam data bacaan, penulisan dan aritmetik, untuk menilai kemajuan pencapaian pendidikan?

**JAWAPAN:**

Visi Kementerian Pendidikan iaitu “Pendidikan Berkualiti, Negara Progresif” dan misi, “Untuk Menyediakan Pendidikan yang Berkualiti dan Holistik untuk Kehidupan Pelajar yang Bermatlamat” melalui Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027 adalah sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 khususnya, “Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya”.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti tiga (3) pengukur utama di bahagian Pendidikan Teras: Pencapaian Peringkat Rendah; Pencapaian Peringkat Menengah dan Kemasukkan ke peringkat Pasca Menengah.

Ini bukan sahaja pencapaian dari segi akademik tetapi juga dari aspek emosi, sosial, fizikal, kreativiti dan kerohanian. Kementerian akan sentiasa meneliti penggunaan indikator-indikator yang lebih holistik untuk menilai kecemerlangan pelajar yang dapat memberi gambaran menyeluruh prestasi pelajar-pelajar.

Antara indikator yang boleh menonjolkan perkembangan holistik pelajar adalah seperti:

- i. Penyertaan dalam pertandingan inovasi di peringkat nasional seperti BICTA dan APICTA anugerah ICT peringkat Asia Pasifik yang mengiktiraf inovasi teknologi;
- ii. Kejayaan pelajar mendapat biasiswa kerajaan ke Singapura diberikan untuk tujuan pembangunan akademik dan kepimpinan pelajar;
- iii. Kejayaan pelajar dalam penyertaan kejohanan sukan antarabangsa seperti *ASEAN School Games (ASG)*;

- 
- iv. Penglibatan pelajar dalam program pengayaan seperti Program Sahsiah Pelajar (PSP); dan
  - v. Kesedaran pelajar terhadap kehidupan lestari, dan sebagainya.

Kementerian juga akan menilai dan meneliti keperluan penggunaan pengukur yang bukan kognitif seperti kesejahteraan pelajar (*student well-being*), pengembangan minda pelajar (*student growth mindset*) dan sikap (*attitude*) serta kesedaran kewangan (*literasi kewangan*) bagi menggambarkan kesejahteraan dan ketahanan pelajar secara menyeluruh.

Untuk makluman, pengukuran dimensi tersebut telah dimulai dengan pembangunan alat pengukuranya. Walaubagaimanapun ia perlu dikukuhkan dan disahkan sebagai pengukur utama yang dapat mewakili dimensi holistik tersebut secara lebih sistematik dan bersepadu.

No. Soalan: PT047

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah memupuk dan menyemai program STEAM dalam usaha membangunkan minda pelajar yang lebih kritikal dan *analytical* bermula dari pendidikan peringkat rendah yang dihasratkan mengubah mindset konvensional mencari pekerjaan?

**JAWAPAN:**

Bagi mengukuhkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar, Kementerian Pendidikan terus melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang memberi penekanan kepada pembangunan pemikiran kritikal dan analitikal, kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti serta keupayaan menyelesaikan masalah sebagai persediaan pelajar menghadapi cabaran masa hadapan.

Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Pendedahan awal kurikulum STEAM melalui pengenalan dan penawaran mata pelajaran berkaitan seperti Sains, Matematik dan ICT seawal peringkat sekolah rendah, bagi meningkatkan minat, penguasaan serta keyakinan pelajar dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.
- Pengaplikasian pedagogi aktif dan berpusatkan pelajar, termasuk pendekatan pembelajaran berasaskan situasi dunia sebenar (*real-world learning*), bagi membolehkan pelajar menghubungkan teori dengan aplikasi praktikal serta membina kemahiran penyelesaian masalah secara bermakna.
- Pelaksanaan *Steam Education and Skills* (SES) yang menekankan pendekatan *Inquiry-Based Learning*, *Problem-Based Learning* serta pembelajaran kolaboratif, sekali gus memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka, menganalisis dan menghasilkan penyelesaian secara kritis dan kreatif.

- 
- Pelaksanaan pelbagai aktiviti dan pertandingan STEAM serta inovasi yang dianjurkan oleh Pusat STEP dan Pusat Pendidikan Inovasi (*Education Innovation Centre – EIC*), termasuk pendedahan kepada kemahiran *coding*, *robotic* serta program *Celik-Biz* dan *BIG-start*, bagi memperkukuh literasi digital dan keusahawanan pelajar serta mendedahkan mereka kepada perkembangan teknologi dan inovasi semasa.
  - Penyertaan pelajar dalam pertandingan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa seperti CIPTA, BICTA dan APICTA yang bertujuan meningkatkan daya saing global, di samping membina kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan dan daya tahan dalam menghadapi cabaran. Alhamdulillah, beberapa sekolah rendah kerajaan dan swasta telah mencatatkan pencapaian cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49 dan Sekolah Rendah Rimba III yang telah memenangi anugerah dalam *Brunei ICT Awards* (BICTA).

Di samping itu, Kementerian Pendidikan turut memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan, antaranya *Seria Energy Lab* (SEL), *Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam* (AITI) serta *LiveWIRE Brunei*, bagi memperluas peluang pembelajaran autentik, memperkasa kemahiran teknologi, inovasi dan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

No. Soalan: PT002

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan langkah kementerian dalam memastikan persekitaran kawal selia domestik bagi sistem penerbangan negara termasuk keupayaan penyelenggaraan, latihan juruterbang dan jurutera. Adakah terdapat kerangka pensijilan atau pajakan pesawat bagi armada baharu?

**JAWAPAN:**

Dalam perkara ini, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA), sentiasa memastikan persekitaran kawal selia bagi sistem penerbangan negara adalah kukuh, berkesan dan selaras dengan piawaian antarabangsa.

**Kerangka Kawal Selia dan Pematuhan Antarabangsa**

Negara Brunei Darussalam adalah negara anggota kepada *International Civil Aviation Organization* (ICAO) sejak tahun 1985. Sehubungan itu, segala peraturan dan keperluan teknikal yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada *Standards and Recommended Practices* (SARPs) yang ditetapkan oleh ICAO di bawah Konvensyen Chicago 1944.

DCA telah menggubal dan melaksanakan *Brunei Aviation Requirements* (BARs) sebagai kerangka perundangan dan teknikal kebangsaan yang merangkumi aspek keselamatan penerbangan, kelayakan udara (*airworthiness*), operasi penerbangan, pelesenan kakitangan, aerodrom dan perkhidmatan navigasi udara. Kerangka ini sentiasa dikemaskini mengikut perkembangan piawaian ICAO serta amalan terbaik industri global.

**Keupayaan Penyelenggaraan Pesawat ('Maintenance Capability')**

Bagi memastikan keupayaan penyelenggaraan pesawat berada pada tahap yang selamat dan mematuhi piawaian, DCA melaksanakan:

- i. Pensijilan dan pengawasan berterusan terhadap organisasi penyelenggaraan yang diluluskan (*'Approved Maintenance Organisations', AMO*);

- ii. Audit berkala dan pemeriksaan pematuhan bagi memastikan keperluan '*continuing airworthiness*' dipatuhi.

Selain itu, DCA turut mengiktiraf pensijilan dan '*type certification*' daripada pihak berkuasa penerbangan yang diiktiraf antarabangsa seperti '*European Union Aviation Safety Agency*' (EASA) dan '*Federal Aviation Administration*' (FAA) dan '*Civil Aviation Administration China*' (CAAC) tertakluk kepada proses validasi yang ditetapkan. Pendekatan ini memastikan armada yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam memenuhi piawaian-piawaian keselamatan global.

### **Latihan dan Pelesenan Juruterbang serta Jurutera**

DCA melaksanakan sistem pelesenan kakitangan penerbangan di bawah keperluan yang setara dengan Annex 1 ICAO, merangkumi:

- i. Pelesenan juruterbang;
- ii. Pelesenan jurutera;
- iii. Kelulusan organisasi latihan penerbangan dan penyelenggaraan;
- iv. Mana-mana lesen asing yang ingin ditukar atau diiktiraf adalah tertakluk kepada proses penilaian kompetensi dan pematuhan kepada keperluan nasional; dan
- v. Dalam konteks industri penerbangan komersial, operator seperti Syarikat Penerbangan Diraja Brunei juga mematuhi piawaian keselamatan operasi yang diiktiraf industri melalui audit seperti '*IATA Operational Safety Audit*' (IOSA) di bawah seliaan '*International Air Transport Association*' (IATA), sebagai tambahan kepada pengawasan kawal selia oleh DCA.

### **Kerangka Pensijilan dan Pajakan Pesawat bagi Armada Baharu**

Berhubung dengan armada baharu, setiap pesawat yang hendak didaftarkan di Negara Brunei Darussalam adalah tertakluk kepada:

- Pendaftaran rasmi dalam Daftar Pesawat Kebangsaan;
- Pengesahan *Type Certificate* yang diiktiraf;
- Pemeriksaan dan pengeluaran Sijil Kelayakan Udara ('*Certificate of Airworthiness*'); dan
- Pematuhan kepada keperluan operasi dan penyelenggaraan berterusan.

Bagi pesawat yang diperoleh melalui kaedah pajakan ('*leasing*'), sama ada '*dry lease*' atau '*wet lease*', DCA akan menjalankan penilaian menyeluruh meliputi aspek keselamatan, status pendaftaran, pengawasan negara asal (*State of Registry*), serta tanggungjawab operasi dan penyelenggaraan sebelum kelulusan diberikan. Proses ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang penerbangan sivil negara dan amalan yang disyorkan oleh ICAO.

---

Kesimpulannya, Kementerian melalui DCA memastikan bahawa ekosistem penerbangan negara – merangkumi pengawalseliaan, penyelenggaraan, latihan dan pensijilan adalah berlandaskan piawaian antarabangsa, dipantau secara berterusan, dan ditambah baik secara progresif agar keselamatan penerbangan sentiasa menjadi keutamaan utama negara.

No. Soalan: PT003

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan cabaran utama dalam pelaksanaan dan pengintegrasian transformasi digital dalam perkhidmatan kerajaan khususnya dalam mengubah penerimaan masyarakat, meningkatkan kebolegunaan serta aksesibiliti dan mesra pengguna? Bagaimana Kementerian membina dan mengekalkan kepercayaan awam terhadap kecekapan, daya tahan, ketelusan tadbir urus dan penggunaan data secara beretika merentas agensi?

**JAWAPAN:**

Dalam usaha melaksanakan dan mengintegrasikan transformasi digital dalam perkhidmatan kerajaan, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu ditangani. Antara cabaran yang paling ketara ialah proses perniagaan (*'business process'*) yang masih beroperasi secara silo akibat kewujudan sistem-sistem legasi Kerajaan serta tahap pengintegrasian data yang kurang berkesan, sekali gus menurunkan mutu pengalaman pengguna.

Dari segi kebolegunaan dan aksesibiliti, reka bentuk sistem yang kurang mesra pengguna serta tidak inklusif sering menghalang capaian oleh pelbagai lapisan masyarakat, termasuk warga emas dan golongan kurang upaya. Cabaran ini diperkuatkan lagi dengan ketidakseragaman piawai reka bentuk antara agensi, yang menjejaskan konsistensi pengalaman pengguna.

Bagi mengatasi cabaran ini, sebagai langkah seterusnya melalui pelaksanaan GovBN2.0 adalah memfokuskan kepada penyediaan perkhidmatan transaksi Kerajaan yang lebih lancar, menyeluruh dan automatik dari hujung ke hujung. Pendekatan ini akan memastikan perkhidmatan kerajaan dapat diakses dengan lebih mudah, cepat dan berkesan, sekali gus meningkatkan kepuasan serta keyakinan masyarakat terhadap transformasi digital.

GovBN2.0 juga akan turut memanfaatkan infrastruktur sedia ada seperti Brunei ID, *National Information Hub* (NIH) dan *Digital Payment Hub* (*Tarus*) sebagai asas pengukuhan. Brunei ID berfungsi sebagai identiti digital tunggal yang memudahkan pengesahan dan akses kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan. NIH pula menyediakan platform integrasi data yang selamat dan bersepadu, manakala *Digital Payment Hub* (*Tarus*) menyokong automasi proses perniagaan serta penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap.

Untuk makluman, Brunei ID telah dilancarkan pada 3 Januari 2026 sebagai platform terbaharu bagi mengakses perkhidmatan Kerajaan dalam talian dengan sekali log masuk melalui pengeshan biometric. Setakat ini, enam (6) aplikasi seperti TransportBN, TD123, Business Reporting Portal, Bruhealth, PSC Recruitment dan E-Undi boleh diakses melalui platform tersebut. Sejak pelancaran dan setakat 15 Mac 2026, jumlah pengguna yang direkodkan adalah 17,895.

Penggunaan perkhidmatan digital adalah semakin berleluasa dan telah menjadi pilihan utama oleh individu, masyarakat mahupun pihak peniaga. Sebagai contohnya:

- Pihak Kerajaan dalam pelaksanaan dan penggunaan *Unified Smart Metering Smart System* (USMS). Walaupun pada awalnya menghadapi pelbagai cabaran namun dari maklum balas orang ramai, penggunaannya semakin bertambah baik dan akhirnya diterima oleh masyarakat; dan
- Pihak swasta seperti perkhidmatan perbankan merangkumi pelbagai perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi bank kepada individu dan perniagaan. Selain itu, pembelian tiket-tiket penerbangan secara dalam talian juga menjadi pilihan orang ramai sehingga kini.

Dalam penerimgunaan digital (*'digital adoption'*), pada awalnya memang terdapat jurang (*'chasm'*) yang diakui akan menyebabkan keraguan (*'skepticism'*) pada tahap pengenalan. Antaranya, ini disebabkan oleh perubahan yang melibatkan data dan juga kepercayaan ke atas sistem baharu. Dari itu, maklum balas dan penyertaan dari orang ramai dalam penggunaan teknologi adalah penting bagi mendapatkan *'reassurances'* dan seterusnya memastikan ianya akan bermanfaat kepada orang ramai.

Penggunaan teknologi memang sudah menjadi norma dalam kehidupan seharian antaranya dari segi memudahkan akses kepada perkhidmatan yang sebelum ini memerlukan kehadiran secara fizikal. Seperti contoh, pembayaran Zakat Fitrah secara digital boleh dilakukan melalui platform yang telah disediakan.

Dengan pendekatan ini, Kerajaan bukan sahaja dapat mengatasi cabaran teknikal dan tadbir urus, tetapi juga memperkukuh ekosistem digital nasional yang lebih inklusif, mesra pengguna dan berorientasikan rakyat dalam menjadikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan.

Bagi pencerahan lanjut mengenai projek-projek transformasi digital Kerajaan, sukacita juga dikongsikan bahawa setiap pelaksanaan proses pendigitalan perkhidmatan akan melalui *'Business Process Re-engineering'* (BPR) bagi memastikan pendigitalan perkhidmatan kerajaan adalah secara *'end-to-end'*.

Hasilnya akan disahkan oleh '*Project Steering Committee*' sebelum dihadapkan kepada CIO Kementerian masing-masing (melalui '*Digital Transformation Steering Committee*').

Selepas pengesahan CIO Kementerian berkenaan, projek transformasi digital tersebut akan dihadapkan kepada CIO Forum melalui '*Digital Transformation Review Committee*' (DTRC) untuk sokongan pelaksanaan. Fokus bagi proses ini hanya melibatkan projek transformasi digital baharu.

Selain itu juga, bagi setiap inisiatif digital yang akan datang, '*Business Process Re-engineering*' perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebagai prasyarat utama dan hasil daripada aktiviti tersebut akan dijadikan asas dalam menentukan skop pelaksanaan projek digital. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti mana-mana proses yang boleh diperkemas atau ditambah baik lagi bagi menyediakan sesuatu sistem atau penyelesaian yang lebih efektif daripada pihak kementerian berkenaan.

Dalam perkara ini, bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan BPR, satu inisiatif mengenai '*Business Process Improvement*' (BPI) telahpun diperkenalkan pada Februari 2025 di peringkat Kerajaan, iaitu melalui pembangunan keupayaan ('*BPI Upskilling*') dan pengukuhan tadbir urus. Pembangunan keupayaan akan dilaksanakan melalui latihan serta peningkatan kesedaran berkaitan BPI kepada penjawat awam secara menyeluruh, dengan sokongan Institut Perkhidmatan Awam (IPA). Dari aspek tadbir urus, BPI akan diintegrasikan ke dalam projek Transformasi Digital di bawah *Project Management Framework* (PMF) melalui penubuhan aliran kerja khusus bagi memastikan penilaian dan penambahbaikan proses kerja dilaksanakan secara sistematik sebagai sebahagian daripada pelaksanaan projek.

No. Soalan: PT008

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan penilaian Kementerian berkenaan keberkesanan pengangkutan awam dari aspek mobiliti ekonomi rakyat, peralihan penggunaan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam, serta kesan terhadap kualiti hidup? Apakah ukuran atau penunjuk yang digunakan dan perancangan bagi penambahbaikan dasar dan pelaksanaan?

**JAWAPAN:**

Sukacita mengongsikan bahawa projek-projek Sistem Pengangkutan Darat, termasuk juga projek berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam adalah antara fokus utama yang sedang diusahakan oleh Kementerian ini bersama Jabatan Pengangkutan Darat.

Projek ini bertujuan untuk menyediakan sistem pengangkutan yang lebih berdaya maju, mampan, selamat dan selesa untuk semua pengguna melalui Rancangan Kemajuan Negara ke-12. Perancangan dan pelaksanaannya adalah memberi tumpuan kepada:

- (i) meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan perkhidmatan bas memenuhi keperluan orang ramai dan pada masa yang sama boleh meningkatkan penggunaan dan jumlah penumpang melalui penyediaan perkhidmatan yang boleh dipercayai, mengikut jadual, berkualiti dan mudah diakses;
- (ii) penambahbaikan dan peningkatan liputan teksi dan perkhidmatan berkongsi tumpangan atas permintaan (*e-hailing*) sebagai usaha dan strategi menyokong kebolehcapaian perkhidmatan pengangkutan awam terutama di luar bandar; dan
- (iii) memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memantau pergerakan kenderaan dan kemudahan penumpang melalui pemakaian sistem pengurusan pengangkutan pintar (*Smart Transport System - STS*).

---

Selain daripada laporan status pelaksanaan projek, ukuran dan petunjuk utama bagi menilai keberkesanan dasar dan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan adalah Jumlah Penumpang (*Ridership*) dan Liputan Perkhidmatan (*Network Coverage*). Secara tidak langsung, sukatan ini juga boleh menggambarkan kebolehpercayaan dan kebolehcapaian perkhidmatan yang disediakan. Dalam pada itu, pelbagai KPI operasi juga akan digunakan bagi memantau prestasi operasi seperti Prestasi Ketepatan Masa (OTP), Kadar Penyiapan Perkhidmatan, Kualiti Perkhidmatan dan lain-lain.

Pelaksanaan projek-projek yang dikongsikan diharapkan akan dapat meningkatkan 'efficiency' rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam, sekaligus akan dapat menggalakkan lagi pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam di negara ini. Dalam usaha mendukung dan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memastikan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi serta mempertingkatkan mobiliti dan produktiviti dalam melaksanakan aktiviti perekonomian dan produktiviti, pelaksanaan projek-projek ini adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam negara.

---

No. Soalan: PT020

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan penilaian kementerian berkenaan kesan sistem pengangkutan darat, rangkaian mobiliti harian dan kebergantungan kepada kenderaan persendirian terhadap tempoh perjalanan, produktiviti tenaga kerja dan kos sara hidup? Bagaimanakah dapatan tersebut diterjemahkan ke dalam dasar atau penambahbaikan sistem pengangkutan negara?

**JAWAPAN:**

Sukacita mengongsikan disini mengenai projek-projek Sistem Pengangkutan Darat, khususnya projek berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang sedang diusahakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Dalam pada itu agensi-agensi seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa adalah bertanggungjawab di dalam perancangan dan penyediaan infrastruktur jalan raya dengan mengambil kira keperluan keterhubungan dan kesesakan lalu lintas.

Dalam hubungan ini, laporan key indicators 2022 di dalam *Social Blueprint* menunjukkan kemajuan dalam kesalinghubungan pengangkutan di Negara Brunei Darussalam, terutamanya di dalam penyediaan rangkaian jalan raya yang luas sepanjang 3,805.69 km. Ini telah memperbaiki akses penduduk ke kemudahan laluan penting seperti jambatan dan lebuhraya.

Pada masa yang sama, memang diakui daripada penilaian umum dan pengalaman negara-negara lain bahawa impak gaya hidup yang terlalu bergantung kepada kenderaan persendirian akan menyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan menjejaskan waktu perjalanan. Masa yang sepatutnya digunakan untuk bekerja atau berehat terbazir di atas jalan raya. Kebergantungan kepada kereta sendiri juga memerlukan individu mengeluarkan belanja ke arah penyelenggaraan kenderaan (servis, tayar, dll), pinjaman bank (ansuran bulanan kereta) dan bahan api.

Dalam hubungan ini Pelan Induk Pengangkutan Darat (LTMP) dan *Blueprint for Sustainable and Inclusive Land Transportation System* yang bertujuan untuk mewujudkan sistem kesalinghubungan yang cekap, mudah diakses dan memudahcara mobiliti setiap lapisan masyarakat dan penduduk telah disemak semula pada tahun 2023.

Berikutan daripadanya, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Pelaksanaanya sekarang memberi tumpuan kepada menyediakan sistem pengangkutan yang lebih berdaya maju, mampan, selamat dan selesa untuk semua pengguna melalui Rancangan Kemajuan Negara ke-12 yang diperuntukkan. Perancangan dan perlaksanaannya adalah memberi tumpuan kepada:

- i. Meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan perkhidmatan bas memenuhi keperluan orang ramai dan pada masa yang sama boleh meningkatkan penggunaan dan jumlah penumpang melalui penyediaan perkhidmatan yang boleh dipercayai, mengikut jadual, berkualiti dan mudah diakses;
- ii. Penambahbaikan dan peningkatan liputan teksi dan perkhidmatan berkongsi tumpangan atas permintaan (*e-hailing*) sebagai usaha dan strategi menyokong kebolehcapaian perkhidmatan pengangkutan awam terutama di luar bandar; dan
- iii. Memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memantau pergerakan kenderaan dan kemudahan penumpang melalui pemakaian sistem pengurusan pengangkutan pintar (STS).

Khususnya berhubung dengan meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan perkhidmatan bas, penilaian terperinci sedang dibuat mengenai kos penyediaan perkhidmatan kepada kerajaan dalam memastikan kemampuan perkhidmatan Bersama syarikat-syarikat yang telah disenarai pendek daripada *Request for Proposal to Provide, Operate, Manage and Maintain Public Transport Services in Brunei Darussalam*.

Dengan tertubuhnya perkhidmatan ini nanti, diharapkan akan dapat meningkatkan 'efficiency' rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam, sekaligus akan dapat menggalakkan lagi pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam di negara ini. Dalam usaha mendukung dan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memastikan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi serta mempertingkatkan mobiliti dan produktiviti dalam melaksanakan aktiviti perekonomian, pelaksanaan projek-projek ini adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam negara.

No. Soalan: PT025

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah analisis terkini terhadap kos logistik dan penghantaran barangan bagi perniagaan tempatan, termasuk kesan ke atas harga akhir dan daya saing eksport? Apakah langkah yang sedang dilaksanakan bagi memastikan kos ini lebih berdaya saing tanpa menjejaskan kelancaran rantaian bekalan?

**JAWAPAN:**

Sukacita mengongsikan beberapa usaha dalam meningkatkan kecekapan logistik dan daya saing kos maritim di Negara Brunei Darussalam, yang mana antaranya adalah:

**i. Analisis Strategik Kos dan Kecekapan Operasi**

Berdasarkan analisis dalaman terkini selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik baharu Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan (MPABD) '*Navigating 2030*', didapati bahawa walaupun penghantaran global kekal tidak menentu, kos logistik tempatan di Negara Brunei Darussalam kini lebih dipengaruhi oleh kelajuan pelaksanaan operasi (*'turnaround time'*) dan keberkesanan penggunaan sistem digital. Analisis MPABD juga menunjukkan bahawa memendekkan tempoh kapal berada di pelabuhan memberi impak terhadap pengurangan yuran dan seterusnya meningkatkan daya saing perniagaan.

**ii. Langkah-Langkah Pelaksanaan bagi Meningkatkan Kecekapan dan Daya Saing**

Di bawah teras '*Thriving Maritime Economy*' dalam pelan strategi '*Navigating 2030*', MPABD sedang melaksanakan beberapa langkah strategik bagi mengurangkan beban kos kepada industri dan pengguna.

**Pendigitalan melalui *Maritime Single Window (MSW)*** – MPABD telah beralih sepenuhnya kepada platform MSW bagi mengautomasi proses pelepasan pelabuhan. Pelaksanaan ini mempercepatkan urusan pentadbiran, mengurangkan pertindihan dokumentasi serta menjimatkan kos operasi ejen perkapalan dan perniagaan tempatan.

**Penggalakan Konektiviti Laluan Perkapalan Langsung** – Melalui kerjasama dengan rakan strategik, MPABD sedang memperluaskan laluan perkapalan langsung ke pelabuhan-pelabuhan utama serantau. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hab pemindahan pihak ketiga (*'transshipment'*), seterusnya membantu menstabilkan dan berpotensi menurunkan kadar tambang asas bagi pengeksport tempatan.

**Pemodenan Regulatori** – MPABD turut melaksanakan semakan terhadap struktur yuran dan kadar caj perkhidmatan bagi memastikan ia kekal kompetitif di peringkat serantau dan antarabangsa, di samping menjamin hasil yang mencukupi untuk pelaburan semula berterusan dalam infrastruktur dan peningkatan kemudahan pelabuhan.

- iii. **Pendekatan Tadbir Urus Secara Kolaboratif** – MPABD melaksanakan inisiatif ini secara kolaboratif bersama pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan keberkesanan dasar yang dirangka adalah selaras dengan keperluan industri.

Di peringkat industri, MPABD berinteraksi secara langsung dengan *Brunei Freight Forwarders Association* (BRUFA) bagi memastikan pandangan dan cabaran di peringkat operasi dapat diambil kira dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan inisiatif.

Di peringkat nasional, MPABD bekerjasama rapat dengan MTIC untuk memacu agenda integrasi multimodal, termasuk cadangan penubuhan mekanisme atau pasukan petugas khas peringkat kebangsaan bagi penyelarasan logistik. Langkah ini bertujuan memastikan setiap peningkatan kecekapan di pelabuhan dapat diterjemahkan secara langsung kepada penjimatan kos peniaga tempatan serta menyokong objektif logistik negara secara menyeluruh. Selain itu, usaha ini turut memastikan perkhidmatan sokongan dipertingkatkan untuk memenuhi permintaan logistik dan mencapai sistem logistik yang lancar serta bersepadu (*'seamless logistics'*).

No. Soalan: PT026

**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA  
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG  
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan dasar kementerian tentang penggunaan *factory-fitted sunscreen* di kenderaan persendirian khususnya di jendela penumpang belakang (*passenger's backseats*) yang tidak mengganggu penglihatan pemandu tetapi lebih kepada melindungi penumpang di belakang dari cahaya matahari?

**JAWAPAN:**

Dasar tentang penggunaan '*factory-fitted sunscreen*' di kenderaan persendirian khusus penumpang yang duduk di belakang, adalah jelas, bahawa pemasangan '*factory-fitted sunscreen*', tabir, shades, pelekat atau apa-apa yang seumpamanya pada cermin kenderaan semasa kenderaan dipandu di jalan raya adalah tidak dibenarkan selaras dengan Akta Lalulintas Jalan Raya, Penggal 68 (S 190/81 (4)).

Sepertimana juga sedia maklum, pada tahun 2024 Jabatan Pengangkutan Darat telah mengemaskini spesifikasi cermin gelap untuk kenderaan, iaitu untuk Cermin Depan (*Windscreen*) 70% VLT, Cermin Sisi Depan 50% VLT, Cermin Sisi Belakang dan Cermin Belakang 25% VLT. Apa yang dimaksudkan dengan *Visible Light Transmission* (VLT) adalah sukatan kadar peratus cahaya yang dapat menembusi cermin kenderaan dengan menggunakan peralatan tertentu.

'*Factory-fitted sunscreen*' kilang (seperti bidai tingkap sisi belakang bersepadu atau pelindung cermin hadapan boleh tarik) mempunyai tujuan utama untuk melindungi bahagian dalaman daripada haba dan kerosakan UV. Ia berfungsi sebagai pelindung bagi kenderaan yang tidak bergerak untuk mengurangkan suhu di dalam kabin serta mengurangkan kerosakan apabila kenderaan diletakkan bagi tempoh yang lama. Pada masa yang sama, kadar *Visible Light Transmission* bagi *suncreens* tersebut tidak dinyatakan mahupun tidak dapat disukat menggunakan perlatalan *VLT meter* biasa.

Walaubagaimanapun pihak Jabatan Pengangkutan Darat akan memantau perkembangan terhadap perkara dan menyesuaikan dasar dan peraturan berhubung dengan sunscreen ini, jika diperlukan nanti.

No. Soalan: PT033

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN  
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan status terkini projek dan *tender* bagi sistem pengangkutan bas awam yang dikeluarkan tahun lepas, yang mana tujuannya adalah bagi mewujudkan sistem yang berkesan dan pintar?

**JAWAPAN:**

**Projek Menaiktaraf, Mengemaskini, Memasang Dan Membina Baharu Bagi Tiang-Tiang ('Bus Poles') Dan Pondok-Pondok Perhentian Bas ('Bus Shelters') Bagi Laluan-Laluan Yang Sedia Ada Dan Baharu Di Seluruh Negara Brunei Darussalam**

Projek menaiktaraf, mengemaskini pemasangan serta pembinaan baharu tiang-tiang perhentian bas (*'bus pole'*) dan pondok-pondok perhentian bas (*'bus shelter'*) bagi laluan sedia ada dan laluan baharu di seluruh Negara Brunei Darussalam telah mula dilaksanakan pada 25 Ogos 2025 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 24 Ogos 2027.

Projek tersebut melibatkan sejumlah 383 buah tiang perhentian bas dan 250 buah pondok perhentian bas di semua daerah. Setakat kini, tahap kemajuan keseluruhan projek telah mencapai 13.04% dengan melibatkan 33 buah pondok perhentian bas daripada keseluruhan projek.

Pelaksanaan kerja-kerja akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut perancangan yang telah ditetapkan, berdasarkan laluan operasi bas awam sedia ada serta penilaian tahap permintaan dan keperluan perkhidmatan.

Lawatan pemeriksaan tapak telah dijalankan pada 30 Disember 2025 melibatkan JPD, pihak Jabatan Jalan Raya (DOR), Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) dan Syarikat Pelaksana. Lawatan pemeriksaan tapak telah meninjau pelaksanaan kerja-kerja di beberapa lokasi pondok perhentian bas di Jalan Tutong dan Kiulap. Hasil pemeriksaan merangkumi cadangan pelaksanaan kerja mengikut kesesuaian lokasi.

Adapun beberapa cadangan lokasi untuk kerja-kerja menaiktaraf pondok perhentian bas baharu masih menunggu *'permit-to-dig'* contohnya di Kawasan Badi'ah Hotel. Sementara itu, pihak syarikat giat melaksanakan kerja-kerja di kawasan yang telah dibenarkan.

## **Menyediakan dan Menaiktaraf Infrastruktur Pengangkutan Awam Di Negara Brunei Darussalam**

Permohonan projek baru di bawah peruntukan RKN 12 iaitu 'Menyediakan dan Menaiktaraf Infrastruktur Pengangkutan Awam di Negara Brunei Darussalam' dengan tempoh pelaksanaan dalam lima (5) tahun bagi meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian teras perkhidmatan bas awam. Projek ini bertujuan untuk:

- i. Menaiktaraf dan membangun kemudahan infrastruktur perhentian-perhentian pertukaran bas, terminal dan perhentian bas bagi rangkaian laluan teras ('*core routes network*') bas awam;
- ii. Bagi mendokong sistem pengangkutan awam yang berdasarkan laluan bas teras dan perkhidmatan pengangkutan atas permintaan ('*on demand transport service*') dengan menyediakan kemudahan selesa dan mesra pengguna; dan
- iii. Meningkatkan aspek keselamatan dan menyeragamkan ('*standardize*') garispandu / piawai reka bentuk perhentian-perhentian bas.

Beberapa perancangan sistem pengangkutan awam juga dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pandu. Secara ringkasnya, projek ini meliputi semua daerah, bukan sahaja tertumpu kepada laluan sedia ada tetapi juga membuka lagi laluan baru dengan mensasarkan bukan saja orang ramai, tapi juga pelancong dan pelajar melalui tadahan.

Dalam usaha memberi penyediaan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, efisien, berjadual dan selesa di negara ini, pelaksanaannya memberikan tumpuan kepada beberapa perkara iaitu:

- i. meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan bas utama ke tahap perkhidmatan yang memenuhi keperluan orang ramai; dan
- ii. menambahbaik dan meningkatkan liputan perkhidmatan teksi dan perkhidmatan berkongsi tumpangan atas permintaan ('*e-hailing*') yang dihasratkan akan menyokong kesalinghubungan dan kebolehcapaian perkhidmatan pengangkutan ke kampung-kampung pedalaman atau luar bandar.

Dalam hubungan ini, sukacita mengongsikan bahawa berikutan *Request for Proposal* untuk Menyediakan, Mengendalikan, Mengurus dan Menyelenggara Perkhidmatan Pengangkutan Awam yang telah dikeluarkan sebelum ini oleh Jabatan

Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sekarang berada dalam peringkat rundingan lanjut dengan syarikat yang telah disenarai pendek, khususnya mengenai aspek operasi, komersial dan kedayatahan perkhidmatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha menyediakan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, efisien, boleh dipercayai dan lebih selesa, perlaksanaannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat, iaitu:

- Pertama, penyediaan secara berfasa perkhidmatan Pengangkutan Responsif Permintaan atau '*Demand Responsive Transit*' (DRT) iaitu, perkhidmatan pengangkutan awam yang mana penumpang berkongsi kenderaan van atau bas kecil dengan laluan dan jadual fleksibel mengikut permintaan penumpang secara tempahan yang juga didayakan dengan penggunaan teknologi digital, dan
- Kedua, penyediaan secara berfasa perkhidmatan bas atau van, tertakluk kepada jumlah penumpang, bagi laluan-laluan utama secara berjadual dan disertakan kemudahan pengesanan keberadaan kenderaan secara masa nyata.

Dalam hubungan ini, projek menaiktaraf, mengemaskini pemasangan serta pembinaan baharu tiang-tiang perhentian bas ('*bus pole*') dan pondok-pondok perhentian bas ('*bus shelter*') bagi laluan sedia ada dan laluan baharu sedang juga dilaksanakan.

Memandangkan pelaksanaan penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan Awam ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat dan berfasa, bermula dengan penyediaan perkhidmatan Pengangkutan Responsif Permintaan atau *Demand Responsive Transit* (DRT), tumpuan awal akan diberikan kepada kawasan bandar terdahulu bagi memastikan kelestarian perkhidmatan memandangkan antara faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan perkhidmatan tersebut nanti adalah bilangan penumpang. Walau bagaimanapun, memandangkan salah satu pasaran sasaran utama untuk perkhidmatan DRT adalah untuk penuntut-penuntut sekolah, ini berpotensi menjana permintaan yang mencukupi bagi kawasan-kawasan kampung, sebagai contohnya.

Selain itu, bagi projek '*Smart Transportation System*' (STS), iaitu penyediaan platform digital pengangkutan awam yang bertujuan untuk mengoptimumkan pengurusan dan operasi rangkaian pengangkutan yang berasaskan teknologi, pemantauan dalam kenderaan serta perkhidmatan '*on-demand transport*' (*e-hailing*). Dokumen tawaran bagi projek tersebut akan dibukakan pada bulan Julai 2026 dan tutup pada bulan Ogos 2026.

No. Soalan: PT034

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN  
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan berkenaan peningkatan caj serah milik nombor pendaftaran kenderaan kepada ahli keluarga terdekat, yang difahamkan sebelum ini dikenakan hanya BND55, kini dinaikkan kepada BND1,200?

**JAWAPAN:**

Mengenai dengan peningkatan caj serah milik nombor pendaftaran kenderaan kepada ahli keluarga terdekat seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tersebut, pada menerangkannya, sukacita dikongsikan terlebih dahulu dasar dan prosedur Serah Tanda Pengenalan Kenderaan yang mana adalah seperti berikut:

**Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) Satu (1) & Dua (2) Angka****Peraturan serah bagi TPK Satu (1) dan Dua (2) Angka:**

- i. TPK 1 dan 2 Angka dikategorikan sebagai Tanda Pengenalan Kenderaan eksklusif mengambil kira ianya mempunyai ciri-ciri:
  - Nilai harga TPK yang lebih tinggi;
  - Mempunyai populariti dan permintaan tinggi;
  - Terdapat hada bilangan nombor untuk didaftarkan;
  - Mempunyai nilai harga jualan semula dan dagangan yang tinggi.

**GAMBAR 1 – Ciri-Ciri Penjelasan – Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) Satu dan Dua Angka**

**CIRI-CIRI DAN PENJELASAN TANDA PENGENALAN KENDERAAN (TPK) SATU (1) & DUA (2) ANGKA**

**TPK Satu (1) dan Dua (2) Angka** adalah dikategorikan sebagai TPK eksklusif yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Nilai harga TPK yang lebih tinggi.
- Mempunyai populariti dan permintaan tinggi.
- Terdapat had bilangan nombor untuk didaftarkan.
- Mempunyai nilai harga jualan semula dan dagangan yang tinggi.

Dalam hubungan ini untuk mengekalkan sifat eksklusif dan berpadankan dengan nilai TPK tersebut, maka Peraturan Perkhidmatan Serah dan Tukar Milik bagi **TPK Satu (1) dan Dua (2) Angka** yang dimiliki melalui Tawaran Tertutup dan Tawaran Terbuka adalah dikemaskinikan.

**EKSKLUSIF**

BAY XX

1. Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) Satu (1) & Dua (2) Angka boleh diserahkan kepada sesiapa saja melalui Perkhidmatan Serah TPK dan Perkhidmatan Serah melalui Tukar Milik Kenderaan.
2. Yuran Serah dikenakan sebanyak \$1,000.00 dan Caj Perkhidmatan dikenakan sebanyak \$100.00.
3. Yuran dan caj yang telah diproses dan dibenarkan tidak akan dikembalikan.

## GAMBAR 2 – Tanda Pengenal Kenderaan (TPK): Satu dan Dua Angka Yang Dimiliki Melalui Tawaran Tertutup dan Tawaran Terbuka

**Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) Satu (1) & Dua (2) Angka yang dimiliki melalui Tawaran Tertutup dan Tawaran Terbuka, sama ada sudah atau belum didaftarkan, boleh diserahkan dengan syarat-syarat berikut:**

Permohonan Serah dibenarkan kepada sesiapa sahaja lebih daripada satu (1) kali melalui:  
i. Perkhidmatan Serah TPK; dan  
ii. Perkhidmatan Serah melalui Tukar Milik Kenderaan

Permohonan Serah dikenakan yuran dan caj berikut:  
i. Yuran Serah sebanyak \$1,000.00; dan  
ii. Caj Perkhidmatan sebanyak \$100.00

Yuran dan caj bagi Permohonan Serah yang telah diproses dan dibenarkan **tidak akan dikembalikan (non-refundable).**

**Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) Satu (1) & Dua (2) Angka yang dimiliki melalui Tawaran Tertutup dan Tawaran Terbuka, sama ada sudah atau belum didaftarkan, boleh diserahkan dengan syarat-syarat berikut:**

Jika Pemilik TPK meninggal dunia, pemohon mestilah terlebih dahulu mendapatkan **Surat Kuasa Pentadbir dan Surat Pengakuan (Statutory Declaration)** daripada Mahkamah.

i. Jika Serah kepada Waris yang diperakui oleh Mahkamah, hanya Caj Perkhidmatan sebanyak \$100.00 dikenakan (Yuran Serah dikecualikan).

ii. Jika Serah bukan kepada Waris, Pentadbir mestilah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada ahli Waris yang diperakui oleh Mahkamah. Permohonan Serah akan dikenakan Yuran Serah sebanyak \$1,000.00 dan Caj Perkhidmatan sebanyak \$100.00.

Permohonan Serah bagi TPK Jubli Emas Satu (1) & Dua (2) Angka adalah **mengikut persyaratan-persyaratan yang telah ditetapkan dan digariskan** dalam surat makluman berjeray memenangi tawaran.

**TARIKH BERKUATKUASA**  
Peraturan Perkhidmatan Serah dan Tukar Milik Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) Satu (1) & Dua (2) Angka

Bagi TPK Satu (1) dan Dua (2) Angka yang dimiliki bermula Rabu, 27 November 2024:  
Tarikh berkuatkuasa adalah mulai Rabu, 27 November 2024

Bagi TPK Satu (1) dan Dua (2) Angka yang dimiliki sebelum Rabu, 27 November 2024:  
Tarikh berkuatkuasa adalah mulai Rabu, 15 Januari 2025

1. Jika Pemilik TPK meninggal dunia, pemohon mestilah mendapatkan Surat Kuasa Pentadbir dan Surat Pengakuan daripada Mahkamah.
2. Jika Serah kepada waris yang diperakui oleh Mahkamah, Yuran Serah akan dikecualikan. Hanya caj perkhidmatan sebanyak \$100.00 sahaja akan dikenakan.
3. Jika Serah bukan kepada waris, Pentadbir mestilah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan ahli waris yang diperakui oleh Mahkamah. Yuran Serah sebanyak \$1,000.00 dan Caj Perkhidmatan sebanyak \$100.00 akan dikenakan.

### GAMBAR 3 – Tanda Pengenal Kenderaan (TPK): Tiga (3) dan Empat (4) Angka

**Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) Tiga (3) & Empat (4) Angka yang dimiliki melalui Tawaran Tertutup dan Tawaran Terbuka, sama ada sudah atau belum didaftarkan, boleh diserahkan dengan syarat-syarat berikut:**

**1** Permohonan Serah dibenarkan kepada **sesiapa sahaja lebih daripada satu (1) kali** melalui:  
i. Perkhidmatan Serah TPK; dan  
ii. Perkhidmatan Serah melalui Tukar Milik Kenderaan

---

**2** Permohonan Serah yang dibenarkan akan dikenakan Caj Perkhidmatan sebanyak \$5.00.

---

**3** Caj Perkhidmatan bagi Permohonan Serah yang telah diproses dan dibenarkan **tidak akan dikembalikan (non-refundable)**.

**TPK yang dimiliki melalui Tawaran Tertutup (NomborKu: Click and Bid)**

TPK 3 ANGKA

TPK 4 ANGKA

Hadapkan Permohonan Serah menggunakan borang yang dikhususkan

**Permohonan Serah selepas 12 bulan** dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan.

**Permohonan Serah kurang daripada 12 bulan** dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan.

Permohonan Serah yang dibenarkan dikenakan Caj Perkhidmatan sebanyak **\$5.00**

Permohonan yang dibenarkan akan dikenakan Caj Perkhidmatan sebanyak **\$100.00**

**Caj Perkhidmatan tidak akan dikembalikan (non-refundable).**

2/3

**Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) Tiga (3) & Empat (4) Angka yang dimiliki melalui Tawaran Tertutup dan Tawaran Terbuka, sama ada sudah atau belum didaftarkan, boleh diserahkan dengan syarat-syarat berikut:**

**4** Jika Pemilik TPK meninggal dunia, pemohon mestilah terlebih dahulu mendapatkan **Surat Kuasa Pentadbir dan Surat Pengakuan (Statutory Declaration)** daripada Mahkamah.

i. Jika Serah kepada Waris yang diperakui oleh Mahkamah, hanya Caj Perkhidmatan sebanyak \$5.00 dikenakan.

ii. Jika Serah bukan kepada Waris, Pentadbir mestilah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada ahli Waris yang diperakui oleh Mahkamah. Permohonan Serah akan dikenakan Caj Perkhidmatan sebanyak \$5.00.

---

**5** Permohonan Serah bagi TPK Jubli Emas Tiga (3) & Empat (4) Angka adalah **mengikut persyaratan-persyaratan yang telah ditetapkan dan digariskan** dalam surat makluman berjaya memenangi tawaran.

3/3

**Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) Tiga (3) dan Empat (4) Angka**

Bagi TPK Tiga (3) dan Empat (4) Angka:

- i. Permohonan Serah dibenarkan kepada sesiapa sahaja melalui Perkhidmatan Serah TPK dan Perkhidmatan Serah melalui tukar Milik Kenderaan.
- ii. Caj Perkhidmatan sebanyak \$5.00 akan dikenakan dan tidak akan dikembalikan.
- iii. Bagi TPK yang dimiliki melalui Tawaran Tertutup (NomborKu), permohonan Serah boleh dihadapakan menggunakan borang yang dikhususkan:
  - Permohonan Serah selepas 12 bulan dari tarikh surat berjaya dikeluarkan, akan dikenakan Caj Perkhidmatan \$5.00;
  - Permohonan Serah kurang daripada 12 bulan dari tarikh surat berjaya dikeluarkan, akan dikenakan Caj Perkhidmatan sebanyak \$100.00.
  - Caj Perkhidmatan berkenaan tidak akan dikembalikan.
- iv. Jika Pemilik TPK meninggal dunia, pemohon mestilah mendapatkan Surat Kuasa Pentadbir dan Surat Pengakuan daripada Mahkamah.
- v. Jika serah kepada Waris atau bukan Waris, hanya Caj Perkhidmatan sebanyak \$5.00 akan dikenakan.

**KESIMPULAN:**

Dalam hal ini, sepertimana yang dikongsikan kepada Yang Berhormat, bahawa Yuran Serah yang dikenakan bagi TPK Satu (1) dan Dua (2) adalah sebanyak \$1,000.00 dan Caj Perkhidmatan sebanyak \$100.00.

Manakala bagi TPK Tiga (3) dan Empat (4) hanya akan dikenakan Caj Perkhidmatan sebanyak \$5.00 sahaja.

Dalam hal ini jua, maklumat-maklumat berkenaan bolehlah merujuk kepada pihak JPD. Maklumat-maklumat berkenaan juga boleh mendapati melalui laman sesawang dan laman sosial IG JPD.

---

No. Soalan: PT044

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan adakah kementerian akan menilai semula peraturan hak cipta samada mencukupi untuk memastikan hak pencipta dilindungi dan dilaksanakan dengan berkesan bagi menyokong pencipta dengan secukupnya dalam melaksanakan hak mereka?

**JAWAPAN:**

Perundangan Hak Cipta (*Copyright*) dan Harta Intelekt (*Intellectual Property - IP*) memainkan peranan yang penting dalam menyokong inovasi, kreativiti dan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Perlindungan yang jelas terhadap hasil ciptaan memberi keyakinan kepada para pencipta, penyelidik dan usahawan untuk terus membangunkan idea baharu serta mengkomersialkan teknologi dan kandungan yang dihasilkan.

Di Negara Brunei Darussalam, rangka kerja perlindungan hak cipta diperuntukkan di bawah '*The Copyright Order of 1999*' yang telah dikuatkuasakan sejak 1hb. Mei 2000, yang mana *Brunei Intellectual Property Office* (BruIPO) merupakan agensi yang bertanggungjawab ke atasnya.

Berhubung dengan perkara ini dan dari segi bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi memacu inovasi dan pembangunan penyelesaian digital tempatan, antaranya melalui program seperti *Brunei ICT Awards* (BICTA) dan *Brunei Innovation Lab* (BIL) 673 Hackathon. Program-program ini memberi platform kepada peserta untuk membangunkan idea, prototaip dan penyelesaian teknologi baharu yang berpotensi untuk dikembangkan menjadi produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai ekonomi.

Selain itu, di bawah program CREATES, salah satu hasil utama yang digalakkan ialah pemfailan harta intelek, sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan ekosistem penyelidikan, pembangunan dan inovasi negara serta meningkatkan perlindungan dan pengurusan hasil penyelidikan yang berpotensi memberi impak kepada pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, cabaran utama yang sering dikenal pasti bukan hanya terletak pada aspek pemfailan atau perlindungan harta intelek semata-mata, tetapi

---

juga pada keupayaan untuk mengkomersialkan harta intelek tersebut secara berkesan. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini sedang menyediakan Strategi Sains, Teknologi dan Inovasi (*Science, Technology and Innovation – STI Framework*) yang mana antarlain berhasrat untuk memperkukuhkan penterjemahan hasil penyelidikan kepada produk atau perkhidmatan yang boleh dimanfaatkan oleh industri, termasuk melalui pembangunan prototaip, pemindahan teknologi serta pelesenan kepada pihak berkepentingan. Pendekatan ini adalah penting bagi merapatkan jurang antara hasil penyelidikan dan penerimaan oleh industri, seterusnya membolehkan inovasi menyumbang kepada pertumbuhan serta kepelbagaian ekonomi negara.

Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus bekerjasama dengan BruIPO sebagai pemilik perundangan ini serta dengan agensi-agensi berkaitan bagi memperkukuhkan keseluruhan ekosistem inovasi, termasuk dari segi pemfailan, perlindungan dan pengkomersilan harta intelek.

---

No. Soalan: PT045

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan undang-undang atau langkah kawal selia untuk menangani ancaman jenayah siber yang semakin meningkat? Bagaimana ini dirancang untuk berfungsi secara bersepadu sebagai sebahagian daripada pendekatan keselamatan dalam talian?

**JAWAPAN:**

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa undang-undang dan langkah kawal selia yang menyeluruh dan bersepadu bagi menangani ancaman jenayah siber yang semakin meningkat. Undang-undang yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. *Computer Misuse Act* memperuntukkan kesalahan berkaitan pencerobohan dan penyalahgunaan sistem komputer;
- ii. Manakala, *Personal Data Protection Act* memastikan perlindungan data peribadi dan akauntabiliti organisasi; dan
- iii. Selain itu, *Cyber Security Act* memperkukuh tadbir urus keselamatan siber negara dengan memberi kuasa untuk melindungi infrastruktur maklumat kritikal serta menyelaras tindak balas terhadap insiden siber.

Pelaksanaan undang-undang ini disokong oleh peranan yang dimainkan oleh beberapa agensi/autoriti iaitu *Cyber Security Brunei* (CSB) dalam pemantauan dan pengurusan ancaman, *Authority for Infocommunications Technology Industry of Brunei Darussalam* (AITI) dalam mengawal selia industri digital, dan Pasukan Polis Diraja Brunei melibatkan dalam penguatkuasaan.

Secara keseluruhan, pendekatan ini mencerminkan strategi keselamatan dalam talian yang holistik, menggabungkan perundangan, pengawalseliaan dan penguatkuasaan bagi menangani peningkatan jenayah siber secara berkesan. Pendekatan ini dirangka secara bersepadu, melibatkan aspek perundangan, penguatkuasaan, teknikal dan kesedaran awam.

## **PERUNDANGAN**

Cyber Security Act memperkukuh tadbir urus keselamatan siber negara dengan memberi kuasa yang lebih jelas kepada pihak berautoriti untuk melindungi infrastruktur maklumat kritikal, menyelaras tindak balas insiden, serta menetapkan keperluan pematuhan keselamatan bagi sektor berkepentingan.

Akta ini menekankan pendekatan berasaskan risiko dan kesiapsiagaan nasional dalam menghadapi ancaman siber terutama sekali bagi Infrastruktur Maklumat Kritikal (CII).

## **PENGUATKUASAAN**

### **Teknikal**

Dari sudut keupayaan operasi, Cyber Security Brunei (CSB) berfungsi sebagai agensi peneraju yang menyelaras dasar, pemantauan ancaman dan pengurusan insiden keselamatan siber. Di bawahnya, National Digital Forensic Laboratory (NDFL) berperanan sebagai '*service provider*' kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dengan memberikan perkhidmatan forensik digital, penyiasatan jenayah siber dan atas talian berserta khidmat saksi pakar di *marksman*.

Manakala, BruCERT bertindak sebagai pusat respon kecemasan komputer kebangsaan, mengendalikan laporan insiden, menjalankan analisis teknikal, serta mengeluarkan amaran dan nasihat keselamatan kepada sektor awam dan swasta. Penguatkuasaan undang-undang pula dilaksanakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, khususnya dalam siasatan dan pendakwaan kes jenayah siber dan penipuan digital.

### **Kesedaran Awam**

Cyber Security Brunei (CSB) giat menjalankan kempen kesedaran keselamatan siber melalui program taklimat dan bengkel kepada agensi Kerajaan, sektor swasta, institusi Pendidikan dan masyarakat umum serta mengeluarkan nasihat keselamatan berkala.

Usaha ini bertujuan bagi meningkatkan kefahaman mengenai ancaman seperti *phishing*, scam dalam talian dan kebocoran data, di samping menggalakkan amalan terbaik seperti pengurusan kata laluan yang selamat dan pengesahan dua faktor.

Pada tahun 2025, CSB merekodkan seramai 14,987 orang menghadiri program kesedaran siber. Insyallah, bagi tahun 2026, CSB mensasarkan penyertaan sekitar 17,000 orang, iaitu peningkatan kira-kira 13% berbanding tahun 2025. Pertumbuhan ini akan didorong oleh peluasan capaian kepada sektor yang kurang mendapat liputan, peningkatan penyampaian program secara digital, serta kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan awam dan swasta. Secara

---

keseluruhan, inisiatif kesedaran awam ini berfungsi sebagai lapisan pencegahan awal yang melengkapkan aspek perundangan dan operasi teknikal dalam memastikan keselamatan siber negara kekal terjamin dan berdaya tahan.

### **Inisiatif Lain**

Sebagai sebahagian daripada usaha menangani penipuan dalam talian, inisiatif seperti '*Brunei Scam Watch*' melalui NDFL dijangka akan menyumbang kepada peningkatan kesedaran awam melalui perkongsian maklumat mengenai modus operandi scam terkini dan nasihat pencegahan. Inisiatif ini melengkapkan pendekatan perundangan dan teknikal dengan memperkukuh kerjasama dan kolaborasi bersepadu antara agensi yang relevan (iaitu agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa) serta literasi keselamatan digital masyarakat yang tinggi.

No. Soalan: PT050

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

**SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI menyatakan peranan dan tatacara EGNC sebagai Pusat E-Kerajaan dalam memantau dan mengikut perkembangan serta memastikan pelaksanaan pengintegrasian projek-projek transformasi digital di agensi-agensi Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Antara mekanisme dalam memantau, menyelaraskan dan memastikan pelaksanaan pengintegrasian projek-projek transformasi digital di agensi-agensi kerajaan adalah melalui Mesyuarat *Chief Information Officer* (CIO Forum). CIO Forum ini berperanan sebagai platform yang antaranya membincangkan mengenai penyelarasan pelaksanaan projek-projek transformasi digital dan penyediaan sistem yang menyatukan proses-proses rentas Kementerian/Jabatan bagi meningkatkan keberkesanan pemberian perkhidmatan berasaskan pendekatan '*single point of contact*'. CIO Forum turut mengetengahkan kepentingan digital dan *cybersecurity* berhubung dengan projek-projek yang akan dilaksanakan.

Setakat 9 Mac 2026, sebanyak 334 projek transformasi digital yang dihadapkan oleh Kementerian-Kementerian dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi telah dibincangkan dan disokong mengikut tatacara CIO Forum.

Sebagai langkah berterusan dalam pengukuhan urustadbir ke atas projek-projek transformasi digital, beberapa mandat telah dikuatkuasakan melalui CIO Forum untuk digunapakai oleh semua agensi Kerajaan termasuk:

- i. '**Project Management Framework**' (PMF) – sebagai panduan di dalam pelaksanaan projek-projek ICT dan transformasi digital. Langkah ini antarlain bertujuan untuk memantapkan lagi urus tadbir pengurusan projek-projek, bahkan dalam memastikan pematuhan kepada rangka kerja tersebut termasuk penyediaan dan pengesahan bagi dokumen-dokumen yang diperlukan seperti '*Business Process Re-engineering*' dan '*Executive Project Proposal*'.

- ii. **'Business Process Improvement' (BPI)** - Selain itu, PMF telah diperluaskan dengan penekanan khusus terhadap keperluan *'Business Process Improvement' (BPI)* melalui penubuhan aliran kerja khusus bagi memastikan penilaian dan penambahbaikan proses kerja dilaksanakan secara sistematik sebagai sebahagian daripada pelaksanaan projek. Penekanan ini amat penting kerana BPI memberi tumpuan kepada penambahbaikan proses perniagaan, mengurangkan silo akibat sistem legasi, serta meningkatkan kecekapan operasi dan pengalaman pengguna.

Dengan itu, bengkel BPI telah dilaksanakan secara pilot dengan satu Kementerian pada November 2024 yang bertujuan dalam menambahbaikan business process yang sedia ada. Memandangkan sambutan yang menggalakkan dari hasil bengkel, terdapat perancangan bagi meneruskan pelaksanaan bengkel berkenaan kepada semua Kementerian yang disasarkan bagi *'Business User'* dan *'Process Owner'* perkhidmatan Kerajaan. Penyediaan bengkel ini dihasratkan bukan sahaja untuk menyokong pendigitalan perkhidmatan Kerajaan melalui penambahbaikan proses yang sedia ada, bahkan merupakan *'stepping-stone'* bagi pendekatan proaktif dan strategik dalam pelaksanaan *'change management'*.

Inisiatif ini telahpun dibahaskan di dalam Mesyuarat CIO Forum kali pertama pada bulan Februari 2025 dan Mesyuarat CIO Forum kali ketiga pada bulan Disember 2025, yang mana bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menambah baik proses kerja yang sedia sebelum di digitalisasikan, agar penyampaian perkhidmatan lebih efisien, telus, dan mesra pengguna.

- iii. **Penggunaan Perkhidmatan Gunasama ('Government Shared Services')** – mengekalkan dasar yang sedia ada iaitu untuk semua Kementerian dan agensi Kerajaan menggunakan perkhidmatan gunasama (*'shared services'*) yang telah disediakan oleh pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Dalam perkara ini, sukacita dikongsikan bahawa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) berperanan sebagai penyelaras pusat serta pemudahcara utama dalam memastikan projek-projek transformasi digital di agensi-agensi kerajaan dilaksanakan secara bersepadu, selamat dan selaras dengan hala tuju nasional.

Selain berfungsi sebagai penyelaras, EGNC juga bertindak sebagai pelaksana dasar-dasar berkaitan transformasi digital, dengan memastikan setiap inisiatif yang digariskan dapat diterjemahkan kepada tindakan yang konkrit dan memberi impak positif kepada penyampaian perkhidmatan awam.

---

No. Soalan: PT005

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendekatan dasar dan langkah-langkah kementerian bagi mempercepat pelaksanaan pengeluaran Kad Orang Kelainan Upaya (OKU) serta pendekatan bagi memastikan kad tersebut digunakan secara berkesan dan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak berkepentingan?

**JAWAPAN:**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menitikberatkan dan memberi keutamaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan orang kelainan upaya di negara ini agar sentiasa dijaga dan dipelihara, selaras dengan dasar negara dan inisiatif Majlis Kebangsaan Isu Sosial di bawah Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya, serta komitmen negara di bawah *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* dalam memastikan orang kelainan upaya diberi peluang saksama bagi menjalani kehidupan secara inklusif di negara ini.

Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-75 pada tahun 2021, Baginda telah mengurniakan titah bagi memperkenankan penguatkuasaan Akta Orang Kurang Upaya bermula 1 Oktober 2021.

Alhamdulillah, tindakan-tindakan ke arah penguatkuasaan Akta OKU ini telah giat dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan dalam sektor Kerajaan dan sektor bukan Kerajaan. Salah satu peruntukan yang dimaksudkan ialah penyediaan Daftar Orang Kurang Upaya yang mengandungi nama, alamat serta butiran lain OKU yang didaftarkan didalamnya, manakala Bab 12 pula memperuntukkan bagi Pendaftar, iaitu Pengarah Pembangunan Masyarakat, untuk mengeluarkan suatu kad bagi nama-nama yang dimasukkan dalam daftar tersebut. Tujuan Kad OKU ini nanti adalah untuk digunakan sebagai kad pengenalan bagi golongan OKU untuk membolehkan mereka yang sudah berdaftar mendapatkan akses kepada sebarang perkhidmatan, program, kemudahan dan prasarana yang bersesuaian dengan keperluan mereka mengikut tahap ketidakupayaan masing-masing.

Dalam persediaan bagi melaksanakan peruntukan Bab 12 berkaitan pengeluaran Kad OKU, beberapa tindakan utama telahpun diambil, iaitu

- i. Pertama, KKBS telah mengadakan sesi konsultasi bersama Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) yang mewakili sembilan (9) persatuan OKU di negara ini. Sesi ini bertujuan mendapatkan pandangan secara langsung daripada golongan OKU, khususnya berkaitan reka bentuk kad, butiran maklumat serta cadangan keistimewaan yang bersesuaian dengan keperluan mereka;
- ii. Kedua, KKBS turut melaksanakan penanda arasan (*benchmarking*) terhadap amalan terbaik antarabangsa dengan merujuk kepada pelaksanaan Kad OKU di beberapa negara seperti Malaysia, Filipina, United Kingdom dan Kesatuan Eropah. Perbandingan ini meliputi aspek kadar bayaran, bentuk keistimewaan serta jenis bantuan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pemegang kad;
- iii. Ketiga, bagi memastikan pendekatan yang menyeluruh, KKBS telah mendapatkan maklum balas daripada kementerian dan agensi berkepentingan untuk mengenal pasti perkhidmatan, program dan insentif yang boleh ditawarkan kepada pemegang Kad OKU, di samping memastikan akses kepada kemudahan dan prasarana yang lebih inklusif. Hasil penyelarasan ini menunjukkan cadangan keistimewaan seperti penyediaan laluan khas di kaunter perkhidmatan, pengecualian atau pengurangan bayaran tertentu, serta kemudahan tempat letak kereta khas dan akses yang lebih mesra OKU.
- iv. Keempat, dari segi perundangan, permohonan untuk mendapatkan kad ini adalah *voluntary* dan tidak mandatori. Namun KKBS ingin menggalakkan OKU untuk memohon kad ini kerana akan memberi nilai tambah kepada statistik OKU dan ianya boleh digunakan untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang istimewa. Justeru itu, KKBS telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Peguam Negara bagi meneliti keperluan pindaan terhadap Akta Orang Kurang Upaya, termasuk bagi mengambil kira cadangan-cadangan penambahbaikan dari Kementerian-Kementerian dan juga MKOKU, serta cadangan kadar bayaran. Insha Allah, proses bagi mengemaskini perundangan akan dipercepatkan dengan kerjasama pihak Pejabat Peguam Negara.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini merupakan sebahagian daripada pendekatan berperingkat bagi memastikan pelaksanaan pengeluaran Kad OKU dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

---

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuhkan perlindungan, kesejahteraan serta keterangkuman golongan OKU, selaras dengan peruntukan di bawah Akta Orang Kurang Upaya (Bab 234) serta aspirasi negara untuk memastikan tiada golongan yang tercicir daripada arus pembangunan negara.